

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*  
**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*  
**MESYUARAT KEDUA**  
*Second Meeting*

---

<b>Jilid IV</b>	<b>Bil. 34</b>	<b>Hari Isnin</b>	<b>27 Julai 1998</b>
-----------------	----------------	-------------------	----------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 (Ruangan)

**Jawatankuasa:-**

**Jadual-**

- Maksud B. 29 (Ruangan)

- Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998 (Ruangan)

**USUL-USUL:**

- Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1998 (Ruangan)

**Jawatankuasa:-**

- Maksud P. 7 (Ruangan)

- Maksud P. 28 (Ruangan)

- Maksud P. 47 (Ruangan)

- Maksud P. 48 (Ruangan)

- Maksud P. 49 (Ruangan)

- Maksud P. 50 (Ruangan)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

Pendemokrasian Pengurusan Jemaah Haji dan Pewujudan Sistem  
 Keselamatan di Mekah dan Madinah.

- *Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]* (Ruangan )

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Salamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah

### **CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

### **CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat: : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul  
Mutalib  
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 27 Julai 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 - Puan Sukinam Domo [Batang Sadong] tidak hadir]*

**DASAR PENSWASTAAN NEGARA -  
PENDEKATAN TERKINI**

2. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa kedudukan sebenarnya dari segi pelaksanaan penswastaaan di peringkat kerajaan negeri lebih diberikan tumpuan berbanding di peringkat kerajaan tempatan, sungguhpun sepatutnya dilaksanakan secara komprehensif di peringkat masing-masing. Soalannya, sama ada kerajaan tempatan turut terlibat dalam penswastaaan dan adakah kerajaan tempatan seolah-olah "terpinggir" daripada dasar penswastaaan sedangkan realiti adalah sebaliknya. Apakah pendekatan terkini untuk membetulkan segala kelemahan yang ada.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) individu atas inisiatifnya sendiri memang ada mengkontrakkan beberapa perkhidmatannya, mengkontrakkan juga satu jenis penswastaaan. Misalnya, kontrak memotong rumput dan pengurusan tempat letak kereta.

Bagi penswastaaan perkhidmatan PBT seluruh negara seperti pembetulan dan pengurusan sisa pepejal, ini dilaksanakan hanya selepas dipersetujui oleh kerajaan-kerajaan negeri termasuk Majlis Negara bagi kerajaan tempatan.

Dalam menimbangkan persetujuan, kerajaan-kerajaan negeri bertanggungjawab mengambil kira pandangan PBT-PBT di dalam negeri masing-masing. Apabila kerajaan menswastakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang dicadangkan diambil kira pengkalan peranan PBT dalam mengawal selianya. Sekian.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya dapat banyak rungutan dari orang ramai di kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah yang mana pihak berkuasa tempatan itu menswastakan kerja pungutan cukai harta dengan memberikan perkhidmatan kepada tiga syarikat peguam yang mana peguam memberikan surat kepada semua pembayar cukai untuk menjelaskan tunggakan cukai pintu dan mengenakan perkhidmatan guaman sebanyak RM31.50 yang mana cukai yang mereka perlu bayar seperti rumah 'low cost' setengah tahun ialah RM25.50 dan kerana lambat bayar mereka didenda RM3, jadi, jumlah hutang kepada pihak berkuasa tempatan ialah RM28.50.

Malangnya caj perkhidmatan peguam yang diberikan kerja ini oleh pihak berkuasa tempatan telah melebihi tunggakan cukai pintu. Adakah ini wajar untuk pihak berkuasa tempatan menswastakan kerja pungutan cukai pintu seperti ini?

Selain dari itu, ada satu perkara yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan sama ada pihak berkuasa tempatan boleh menswastakan kerja mengkompaun mereka yang tidak meletakkan tiket letak kereta kerana mereka adalah pekerja daripada pihak swasta. Adakah mereka diberikan kuasa oleh pihak berkuasa tempatan untuk memberikan kompaun kepada mereka yang tidak meletakkan tiket letak kereta?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah nombor satu iaitu rungutan orang ramai terhadap satu caj yang dikenakan oleh peguambela Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, saya rasa perkara ini kita perlu siasat dengan lebih teliti dan saya boleh menjamin kepada Ahli Yang Berhormat

yang berkenaan, kita akan menyiasat atas perkara ini dan membuat satu keputusan yang bijaksana.

Saya rasa kalaulah dari segi komen, saya rasa ini memang tidak adil pihak PBT itu tidak boleh mengenakan cara begini untuk mengutip pembayaran cukai pintu itu dan kita akan siasat lebih mendalam apa sebabnya perkara ini berlaku.

Mengenai perkara yang kedua iaitu sama ada pihak PBT boleh mengarahkan sesuatu syarikat atau individu untuk mengkompaunkan sesuatu kesalahan seperti tidak membayar tiket letak kereta, saya rasa ini memang di atas sesuatu perjanjian yang pihak berkuasa tempatan membuatkan dan kalau tidak silap saya, memang ada syarat-syarat dalam undang-undang kecil yang digunapakai oleh pihak berkuasa tempatan untuk menguruskan sesuatu kontrak atau sesuatu penswastan letak kereta.

Kalau ada kuasa ini memang dalam satu undang-undang kecil, saya pun tidak dapat menjelaskan di sini lebih tepat dan saya akan menghubungi pihak legal advisor, dengan izin, di kementerian dan akhirnya saya akan menyampaikan suatu jawapan kepada Ahli Yang Berhormat sendiri.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya soalan tambahan, saya tahu sekarang ini bahawa setiap projek yang hendak dilaksanakan dalam sesuatu kawasan di negeri-negeri sama ada perbandaran atau majlis daerah, kalau sekiranya projek itu diunjurkan oleh Kerajaan Pusat, soalan saya adakah kementerian membuat satu penelitian secara khusus sebelum sesuatu tindakan dijalankan berkaitan adanya conflict ataupun bertindihnya kuasa kerajaan tempatan di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan kuasa kerajaan negeri ataupun Pusat, kerana ini adalah mempunyai satu tanggungjawab berkaitan dengan perundangan.

Soalan saya ialah adakah kementerian membuat satu penelitian koordinasi yang lebih teliti sebelum perkara ini dilaksanakan supaya tidak menjadi conflict di antara satu dengan yang lain.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya faham soalan dari Ahli Yang Berhormat dan itu juga saya rasa amat tepat perkara ini, sebab barangkali ada salah faham tentang perkara penswastan ini kerana kita melalui keputusan Jemaah Menteri penswastan ini memang ada banyak peringkatnya. Seperti penswastan melalui mengkorporatkan sesuatu badan atau seperti yang saya sebutkan tadi di mana secara kontrak dan ada juga cara penswastan melalui menyerahkan semua kuasa atau, log stocks and barrel, dengan izin, di mana kuasanya diserahkan kepada pihak syarikat penswastan itu.

Semua ini memang terlibat dalam kuasa dan saya rasa sesuatu penswastan yang dijalankan jikalau seluruh negara kuasa ini memang dibenarkan melalui cara perundingan antara Persekutuan dengan negeri. Pihak Persekutuan memang berunding dengan pihak negeri, kalau sesuatu ingin diswastakan melalui Akta Kerajaan Tempatan, maka pihak negeri perlu mempersetujui dahulu. Apabila ada persetujuan baru pihak Persekutuan melaksanakan penswastan secara seluruh negara. Saya rasa perkara ini kita ambil kira bagi setiap projek.

### **PROJEK LEBUH RAYA PANTAI TIMUR - PELAKSANAAN**

3. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah sebab-sebab yang telah menangguhkan beberapa kali perlaksanaan projek Lebu Raya Pantai Timur daripada Karak ke Kuantan dan Kuala Terengganu. Apakah kerajaan tidak bercadang menukar syarikat konsesi untuk melaksanakan projek ini.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab yang menyebabkan projek ini tertangguh dan lewat dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) rundingan konsesi di antara agensi kerajaan dengan syarikat telah mengambil masa yang lama. Ini kerana projek ini melibatkan jajaran yang panjang iaitu 338 kilometer dan membabitkan pentadbiran dua kerajaan negeri iaitu negeri Pahang dan Terengganu;
- (ii) syarikat konsesi pula terpaksa mengambil masa yang panjang untuk mendapatkan sumber-sumber pinjaman kewangan. Ini disebabkan dalam keadaan kemerosotan ekonomi yang berlaku sekarang, kebanyakan institusi kewangan sukar memberi kemudahan pinjaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan telah dimuktamadkan dan perjanjian konsesi telah pun diluluskan oleh kerajaan. Projek Lebuh Raya Pantai Timur ini dijangka akan ditandatangani sedikit masa lagi di antara kerajaan dengan syarikat konsesi iaitu konsortium yang diketuai oleh Malaysian Mining Corporation Berhad (MMC), dengan izin dan pelaksanaan sebenar pembinaan lebuhraya ini akan bermula selepas perjanjian konsesi tersebut ditandatangani.

Dengan ini juga tidaklah timbul persoalan sama ada kerajaan bercadang menukar syarikat konsesi atau tidak.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jangka kos pembinaan projek ini dan apakah caj untuk perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kuantan dan dari Kuantan ke Terengganu dan bilakah dijangka siap projek ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kos projek ini saya percaya akan menelan belanja lebih dari RM3 bilion, tetapi kadar tol belum ditetapkan lagi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kita ucap tahniah kepada kementerian yang berusaha untuk melaksanakan program Lebuhraya Karak-

Kuala Terengganu. Soalan saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan selain daripada Konsortium MMC, apakah syarikat-syarikat yang bergabung dengan MMC untuk pelaksanaan projek ini dan mengapakah tidak terdapat syarikat tempatan yang menyertai projek ini terutamanya di negeri Pahang dan juga Terengganu dan adakah juga syarikat-syarikat berkenaan bersedia untuk membantu syarikat-syarikat ataupun kontraktor yang berkemampuan untuk bekerjasama bagi melakukan projek yang begitu besar?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan projek ini atas nama ketua konsesi iaitu Malaysian Mining Corporation. Tetapi ada juga dua syarikat yang telah diluluskan dalam konsesi itu iaitu Renong dan juga Malaysia-Thai, kedua-dua syarikat ini akan menjadi rakan kongsi apabila sahaja projek ini dimulakan.

Selain dari itu, syarikat konsesi itu telah diberitahu mereka mesti menimbang kontraktor-kontraktor tempatan iaitu negeri Terengganu dan juga negeri Pahang mesti diberi peluang untuk melaksanakan projek itu.

#### **AIR MINERAL - HARGA DAN KOS PENGELUARAN**

4. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah beliau sedar bahawa adalah lebih murah untuk membeli 1 liter minyak petrol daripada 1 liter air mineral:

- (a) apakah kos pengeluaran sebenar bagi air mineral tersebut; dan
- (b) apakah prospek kini/masa depan untuk pengeluaran air mineral di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Air mineral bukanlah barangan kawalan. Sehubungan dengan itu, harganya adalah dipengaruhi oleh pasaran. Namun begitu, kementerian amat prihatin terhadap isu harga air

mineral yang dikatakan mahal. Tinjauan kementerian mendapati air mineral dijual pada kadar purata antara 80 sen hingga RM1.50 bagi saiz botol 0.5 liter dan RM1.50 hingga RM3 bagi saiz botol 1.5 liter. Variasi harga ini adalah bergantung kepada lokasi, jenis outlet, volume jualan dan sewa kedai. Contohnya, air mineral di sebuah hypermarket yang terkenal di Lembah Klang, dijual pada harga 75 sen berbanding dengan RM1.20 di Hentian Pudu Raya bagi saiz 0.5 liter.

Mengikut kajian dan analisis rambang, pemerhatian dan lawatan oleh pegawai-pegawai kementerian ini ke kilang-kilang pengeluar air mineral mendapati kos pengeluaran air mineral bagi saiz 0.5 liter ialah antara RM0.468 hingga RM0.578 dan RM0.899 hingga RM1.16 bagi saiz 1.5 liter. Memandangkan terdapat perbezaan dalam harga air mineral di pasaran, kementerian telah mengarahkan supaya pengeluar melabelkan harga RRP di keluaran mereka. Justeru itu, dalam konteks ini pihak pengguna perlulah berhati-hati dan membuat keputusan yang bijak ketika membeli air mineral yang mereka perlukan.

- (b) Industri pengeluaran air mineral mempunyai potensi untuk terus berkembang. Bilangan pengeluar berlesen kini adalah sebanyak 25 buah, dengan terdapat lebih 200 jenama yang dijual di pasaran. Situasi ini mendorong industri lebih kompetitif, mampu bersaing di pasaran antara bangsa dan akhirnya merangsang pertumbuhan industri.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, apa rasional yang dipakai oleh kementerian Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen, memandangkan harga petrol dapat dikawal manakala harga air mineral ataupun ada juga air suling tidak boleh dikawal memandangkan air bersih merupakan suatu keperluan asas untuk kehidupan manusia, tambah-tambah lagi di Lembah Klang yang sentiasa tidak ada air.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, petrol merupakan sejenis barangan yang dikawal dari segi harga dan air mineral bukanlah barangan kawalan. Oleh itu, harganya adalah berbeza dan saya telah katakan tadi, harganya bergantung kepada lokasi, jenis outlet dan juga volume jualan dan sewa kedai.

Walau bagaimanapun, kementerian ini telah mengambil langkah iaitu semua pengeluar dinasihatkan supaya meletakkan harga RRP, dengan itu, pihak pengguna boleh menggunakan kebijaksanaan dan haknya untuk membuat keputusan dan di mana-mana air mineral dijual dengan harga yang murah, belilah dan mana-mana yang mahal jangan beli. Itu satu cara kita boleh membeli air mineral dengan harga yang murah.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Air paip ini sebenarnya dikatakan di Malaysia adalah sebuah negara di mana air paip sangat bersih, tetapi dibandingkan dengan negara jiran di mana kalau pelancong pergi ke sana dikatakan, jangan menggunakan air paip tetapi digalakkan menggunakan air mineral. Jadi, dalam hal ini apakah pandangan kementerian bahawa air mineral patut digunakan lebih dari air paip memandangkan harga air paip yang dikeluarkan sangat murah dan kurang dari air mineral?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini sudah terkeluar dari soalan yang asal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sepatutnya saya yang membuat keputusan. *[Ketawa]* Tetapi Yang Berhormat,

sebenarnya, air paip itu saya rasa bukan dalam bidang kuasa kementerian Yang Berhormat.

**Datuk Tan Chai Ho:** Ya, ya, itulah yang saya hendak katakan. Ini bukan di bidang kuasa kementerian ini. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Datuk Tan Chai Ho:** Sila kemukakan soalan itu kepada Kementerian Kerja Raya. *[Ketawa]*

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada dua isu di pasaran yang boleh mengelirukan pengguna sementara kita menunggu Akta Perlindungan Pengguna itu diluluskan di Parlimen. Saya ingin tahu apakah usaha kementerian, yang pertama ada 20 lebih lesen yang dikeluarkan tetapi ada lebih 200 jenama yang dipasarkan, ini mengelirukan pengguna dari segi membuat pilihan.

Yang kedua, isu yang sering disebutkan di pasaran juga ialah melibatkan mineral water dan juga air minuman dan juga air suling, ada tiga jenis. Apakah usaha kementerian setakat ini untuk menghalang atau mengurangkan masalah kekeliruan kepada pengguna supaya pengguna tidak terus ditipu.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah mencadangkan bahawa bagi air mineral jikalau penutup botol itu dalam warna putih supaya penutup warna biru bagi drinking water (air minuman), ini termasuk air suling. Inilah satu cara di mana pengguna boleh membuat perbezaan di antara air mineral dan air minuman. Walaupun ada 200 jenama air mineral dan air minuman, kementerian ini telah mengarahkan pengeluar supaya meletakkan harga RRP.

#### **KESESAKAN LALU LINTAS - LANGKAH PENYELESAIAN**

5. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan tentang langkah penyelesaian yang boleh diambil oleh pihaknya berhubung dengan

masalah kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan setelah pelbagai projek dilaksanakan seperti pembinaan Sistem LRT, komuter dan sebagainya. Jikalau benar apakah pihaknya mempunyai alternatif yang lain bagi menyelesaikan masalah ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meringankan masalah kesesakan lalu lintas, kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa pelan tindakan untuk mengkomplenkan perkhidmatan:

- (a) Sistem LRT dan komuter KTM seperti berikut:-
  - (i) pelan tindakan pengurusan lalu lintas - pelaksanaan skim pengurusan lalu lintas seperti Sistem Jalan Sehalu, Aliran Trafik Tidal Flow dan mempertingkatkan persimpangan jalan raya;
  - (ii) Pelaksanaan lorong bas dan laluan contra flow, dengan izin, untuk bas dan teksi;
  - (iii) Mempertingkatkan sistem lampu isyarat berkomputer yang lebih berkesan dan berkeupayaan yang mengawal aliran lalu lintas mengikut keadaan lalu lintas semasa; dan
  - (iv) Pelaksanaan skim kawalan lalu lintas dan kerja-kerja mengubahsuai persimpangan jalan raya secara berterusan.
- (b) Pelan Tindakan Sistem Pengangkutan Awam -
  - (i) Pelaksanaan sistem LRT tambahan, sistem PRT monorel, sistem ekspres rail link dan mempertingkatkan sistem komuter KTMB; dan

- (ii) penggabungan syarikat-syarikat bas di Kuala Lumpur dan mempertingkatkan kualiti kenderaan bas yang lebih selesa.
- (c) Pelan Tindakan Pembinaan Infrastruktur Jalan Raya. Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur jalan bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Projek-projek tersebut adalah dalam peringkat pembinaan yang meliputi:
  - (i) membina persimpangan bertingkat di Jalan Tun Razak-Jalan Bukit Bintang, Jalan Tun Razak-Jalan Ampang dan Jalan Tun Razak-Jalan Semarak bertujuan mewujudkan aliran berterusan di Jalan Tun Razak yang merupakan sebahagian jalan lingkaran tengah; dan
  - (ii) membina dan menyiapkan jalan lingkaran tengah 2 yang meliputi pembinaan persimpangan bertingkat di persimpangan-persimpangan utama, membina jalan baru dan menaikkan taraf jalan sedia ada kepada satu jalan berkembar enam lorong dan merupakan satu jalan pintas di Kuala Lumpur.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan syabas kepada kerajaan kerana mendapatkan projek-projek yang besar. Kita sedar bahawa pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang positif untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Adakah pertimbangan untuk mengurangkan tambang LRT yang begitu tinggi dan ramai orang ramai telah

complaint tentang isu ini untuk menggalakkan orang ramai menggunakan sistem yang canggih ini. Selalunya kita nampak coach di atas kosong tetapi di jalan raya sesak. Inilah satu masalah yang kita nampak tiap-tiap hari. Saya harap pihak kerajaan boleh mengambil langkah yang positif dan lebih berkesan untuk menyelesaikan isu ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan kita membuat LRT untuk mengurangkan penggunaan kenderaan masuk ke Kuala Lumpur. Seperti yang kita tahu sistem LRT itu menelan belanja yang sangat tinggi dan inilah satu-satunya sistem LRT swasta di dalam dunia ini. Oleh sebab ia ada pinjaman yang tersendiri dan berdasarkan kepada perkara itu semua maka itulah tambang yang dinyatakan. Walau bagaimanapun kerajaan sudah meminta supaya dikurangkan tambang LRT. Pada bulan yang lepas ia sudah dikurangkan tetapi saya fikir ianya belum cukup kerana dikurangkan hanya 5 sen sahaja. Kita juga minta dikurangkan lagi, kalau boleh sebab 5 sen itu tidak ada apa-apa.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyatakan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah merancang berbagai-bagai projek sistem pengangkutan di bandar raya. Daripada penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang benar banyak sistem sedang dibuat. Sistem LRT, Sistem Komuter dan berbagai-bagai projek baru yang sedang dilaksanakan yang menyebabkan jalan-jalan di bandar raya ini semakin sesak. Perkara yang menambahkan lagi sesak ialah baru-baru ini kerajaan memperkenalkan peraturan-peraturan lorong bas dan teksi. Jadi saya ingin bertanya, sementara menunggu projek-projek ini siap adakah kerajaan bercadang untuk menangguhkan buat sementara lorong-lorong bas dan teksi ini untuk membolehkan kenderaan awam untuk mengelakkan kesesakan di bandar raya.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pendapat yang kita perolehi tidak secara 'formal survey' kita dapati bahawa penggunaan

lorong-lorong bas dan lori ini adalah berkesan kerana sebenarnya ialah untuk menggalakkan orang ramai naik kenderaan awam. Jadi lorong bas dan teksi ini ialah supaya orang ramai yang menaiki kenderaan awam itu mendapat kemudahan yang lebih kerana di Kuala Lumpur yang menjadikan kesesakan sekarang ialah oleh kerana 60% daripada pengguna-pengguna menggunakan kenderaan sendiri masuk ke Kuala Lumpur dan 40% menggunakan pengangkutan awam. Oleh itu kita hendak alihkannya supaya 60% menggunakan kenderaan awam dan 40% menggunakan kenderaan sendiri. Oleh sebab itu lorong bas dan teksi ini menggalakkan orang supaya menggunakan kenderaan awam. Apabila kita menggalakkan orang menggunakan kenderaan awam maka jalan itu sesak sedikit. Apabila jalan itu sesak mereka akan naik kenderaan awam. Itulah tujuan kita kerana sekarang ini kita hendak cuba menggalakkan orang menggunakan kenderaan awam sebab itu ada LRT, lorong selari dan sebagainya. Jadi falsafahnya kita harus lihat. Terima kasih.

**KEGAWATAN EKONOMI -  
BILANGAN PEKERJA PERKILANGAN DIBERI LATIHAN  
KEMAHIRAN**

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) semenjak bulan Julai tahun lalu iaitu semasa ekonomi negara mulai gawat berapa ramai pekerja perkilangan yang telah diberi latihan kemahiran dan terlibat dalam program pembangunan produktiviti; dan
- (b) berapa ramai pula pekerja warganegara ini yang telah diberhentikan dalam waktu yang sama dan adakah mereka telah dapat diserapkan ke sektor-sektor lain seperti perladangan dan pelancongan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a) sejak Julai 1997 sehingga 30 Jun 1998 sebanyak 376,563 tempat latihan telah diluluskan bagi latihan semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Daripada jumlah itu sebanyak 109,483 orang telah diluluskan bagi latihan dalam bidang kualiti dan produktiviti;
- (b) jumlah pekerja yang telah diberhentikan sejak bulan Julai 1997 hingga 11 Julai 1998 adalah seramai 46,934 orang. Hampir kesemua pekerja yang dilaporkan telah diberhentikan kerja telah mendapat pekerjaan ganti di samping mendapat bayaran pampasan yang sepatutnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan bahawa kegawatan ekonomi yang telah melanda negara kita akan memberi kesan dan impak yang lebih besar pada tahun hadapan. Adalah diramalkan oleh Yang Berhormat Menteri Tugas-Tugas Khas dari Merbok bahawa mungkin menjangkau hingga 500,000 orang yang akan kehilangan pekerjaan. Apakah rancangan kementerian untuk menangani masalah yang begitu besar kepada pekerja-pekerja yang akan kehilangan pekerjaan, khususnya cadangan untuk menubuhkan satu tabung pemberhentian kerja ataupun retrenchment di mana setiap majikan dan pekerja menyumbangkan RM1.00 sebulan untuk tabung ini. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa bantahan yang dibuat oleh majikan adalah tidak rasional, tidak wajar dan tidak memenuhi aspirasi nasional kerana RM1.00 untuk setiap pekerja bagi majikan ini bukan satu jumlah yang besar. Bolehkah Yang Berhormat atau pihak kementerian meluluskan tabung ini untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja yang bakal akan kehilangan pekerjaan mereka?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang terdapat pada kerajaan menunjukkan bahawa bilangan pekerja kita yang dibuang kerja sedang menurun sekarang ini. Ini adalah mengikut angka yang ada

pada kerajaan dan angka ini boleh dipercayai oleh sebab mengikut undang-undang semua majikan yang hendak memberhentikan pekerja mereka hendaklah melaporkan ke Jabatan Buruh sebulan sebelum mereka memberhentikan pekerja. Kalau tidak mereka akan didakwa. Jadi, sebab itu kita merasakan angka ini boleh dipercayai.

Alhamdulillah boleh dikatakan hampir semua bayaran yang perlu dibayar kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan itu telah pun dibayar dan balance lebih kurang 19% yang belum dijelaskan perkara ini masih dirundingkan. Mulai 1 Ogos tahun ini maka pindaan kepada Akta Kerja 1995 itu akan mula berkuatkuasa dan semua pekerja akan diberi keutamaan dalam pembayaran gantirugi oleh syarikat-syarikat yang bankrup dan sebagainya.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Dalam masa kita menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, sejauh manakah dari segi ketegasan dan penguatkuasaan kerajaan untuk memberi layanan keutamaan kepada warganegara dibandingkan dengan warganegara asing apabila memberhentikan pekerja-pekerja. Diharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan contoh tindakan yang telah diambil.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang selama-lamanya kerajaan telah mengarahkan supaya pekerja luar mestilah diberhentikan dahulu sebelum pekerja tempatan. Mulai 1 Ogos ini pula mengikut kuatkuasa undang-undang ini mesti dilaksanakan.

## **PENGGUNAAN 'SOFTWARE' KOMPUTER HARAM - TINDAKAN UNDANG-UNDANG**

7. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna menyatakan:

- (a) bilangan pengguna yang diambil tindakan undang-undang kerana mengguna “software” komputer yang haram; dan
- (b) memandangkan harga “software” di negara ini lebih mahal dan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat menggunakan komputer, adakah kerajaan bercadang untuk berunding dengan pembekal yang berkenaan untuk mengurangkan harganya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) bagi tahun ini iaitu sehingga 30 Jun 1998 kementerian telah mengambil tindakan ke atas 3 aduan yang diterima berhubung dengan komputer dan telah menghasilkan 3 kes.
- (b) kementerian sedar tentang wujudnya perbezaan harga yang tinggi di antara perisian asli dengan perisian tiruan. Ini adalah disebabkan pembuatan perisian asli melibatkan kos yang tinggi dari aspek ‘research and development’, dengan izin oleh syarikat yang terlibat. Kerajaan berpendapat harga perisian asli yang ditawarkan pembekal adalah berpatutan.

Sekian, Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan harga software di Malaysia begitu tinggi dan nampaknya mungkin kementerian tidak berkemampuan untuk menurunkan harga ini. Jadi, saya hendak tanya adakah kementerian mempunyai strategi yang baru untuk mengurangkan harga software ini supaya lebih ramai rakyat Malaysia dapat memiliki software ini. Sama ada kerajaan bercadang untuk mengurangkan tindakan merampas barang-barang tiruan khasnya software ini.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Hakcipta 1987 di mana tuan punya hak cipta ada kuasa atau hak untuk menentukan bayaran lesen

bagi penggunaan perisian komputer. Ini bermakna tuan punya hak cipta perisian komputer boleh tetapkan harga yang sewajarnya kepada negara kita sebagai ahli conventional bon. Ini bermakna kita hendak memberi perlindungan kepada tuan punya hak cipta atau pencipta-pencipta termasuk program-program komputer. Sebab itulah apabila kementerian ini menerima aduan mengenai isu-isu hak cipta atau perisian-perisian komputer yang telah dicetak rompak, kementerian ini haruslah ambil tindakan. Oleh kerana kejatuhan nilai Ringgit, ini adalah satu faktor atau sebab utama harga perisian komputer ini mahal di negara kita.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang harga perisian komputer di negara kita adalah sangat mahal. Ini telah membebankan para pengguna khususnya kepada para pelajar dan sekolah-sekolah. Memandangkan perkara ini sama ada kementerian Yang Berhormat bercadang supaya bayaran royalti bagi perisian komputer asli dapat dikecualikan bagi digunakan oleh para pelajar dan juga kelab-kelab komputer di sekolah di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Seremban kerana telah prihatin terhadap pelajar-pelajar yang menggunakan komputer dan cadangan ini adalah sangat bagus dan kementerian ini akan berbincang dengan pihak BSA (Business Software Alliance) di mana pihaknya mewakili tuan punya hak cipta perisian komputer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya kementerian selalu mengalakkan kreativiti di kalangan pencipta termasuk program-program komputer dan dengan perlindungan yang diberi. Seperti yang saya katakan tadi di bawah Akta Hakcipta 1987 di mana perlindungan diberi kepada tuan punya hak cipta dan ini akan menjadi satu insentif kepada pembekal hak cipta untuk menghasilkan produk mereka dengan lebih banyak. Jadi dengan pendekatan ini secara tidak langsung kuasa pasaran yang akan menyebabkan harga produk itu turun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Pemuda MCA Kebangsaan kerana kementerian ini telah menerima memorandum rayuan daripada pihak Pemuda MCA kerana mereka minta bayaran lesen bagi penggunaan perisian komputer dikurangkan atau diturunkan. Jadi, kementerian ini akan berbincang dengan pihak BSA dan kita akan putuskan bagaimana ini boleh menjadikan harga atau bayaran lesen ini diturunkan.

### **TABUNG INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA - PEWUJUDAN MEKANISMA PEMANTAU**

8. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) apakah strategi yang akan digunakan bagi memastikan 30% agihan Tabung Industri Kecil dan Sederhana serta lain-lain tabung atau kemudahan di bawah kementeriannya kepada usahawan wanita; dan
- (b) apakah beliau akan wujudkan mekanisma pemantau untuk maksud itu.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menetapkan matlamat khusus dalam memastikan kemudahan ataupun program yang dijalankan dikhaskan kepada usahawan wanita sahaja. Walaupun dasar ini turut diamalkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, kementerian ini tetap menyokong dan menggalakkan penglibatan wanita di dalam bidang keusahawanan. Sungguhpun tidak diletakkan sasaran khusus untuk wanita dari semasa ke semasa kementerian menganjurkan aktiviti-aktiviti yang diadakan khas untuk wanita seperti sesi latihan keusahawanan di KPUN.

KPUN juga memainkan peranan mewujudkan jaringan di antara usahawan wanita di dalam dan di luar negeri seperti yang menganjurkan 1998 Woman Leaders Network Meeting yang akan diadakan pada 1 hingga 2 September 1998 di Kuala Lumpur. Strategi kementerian pada amnya adalah untuk meningkatkan kemahiran jaringan serta pendedahan kepada peluang-peluang semasa di dalam dan juga di luar negeri. Dari segi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh kementerian rekod menunjukkan bahawa penglibatan kaum wanita dari segi bilangan dan segi nilai pinjaman sehingga 30 Jun 1998 adalah memuaskan di mana ianya telah mencapai ke paras 57.22% dari segi bilangannya dan dari segi nilainya pula ialah 43.54% lebih daripada 30% yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Berhubung dengan soalan sama ada usahawan wanita turut menikmati kemudahan tabung industri kecil dan sederhana ianya agak sukar dinyatakan dengan tepat. Ini disebabkan pinjaman di bawah tabung ini dikeluarkan di atas nama syarikat dan syarikat untuk makluman Yang Berhormat tidak ada jantinya. Walau bagaimanapun saya yakin ramai usahawan wanita yang terlibat dalam syarikat-syarikat yang telah mendapat pinjaman daripada tabung industri kecil dan sederhana ini. Adalah menjadi dasar kementerian ini untuk membuat pemantauan secara berterusan ke atas semua program yang dilaksanakannya. Pemantauan ini dibuat melalui laporan berkala, mesyuarat, perbincangan serta menjemput wakil-wakil kalangan wanita dalam mesyuarat yang diadakan. Oleh yang demikian adalah menjadi harapan Kementerian Pembangunan Usahawan agar golongan wanita terus merebut peluang-peluang yang disediakan dan menyumbang ke arah meningkatkan lagi kegiatan keusahawanan di negara ini.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan syabas kepada kementerian kerana nampaknya walaupun saya minta 30%, pihak kementerian telah melampaui 30% dan sangat sensitif kepada general balance. Pertanyaan saya ialah apakah

pihak kementerian akan membuat satu kajian iaitu mengkaji sama ada fenomena yang didapati di Amerika Syarikat iaitu 50% daripada pengusaha-pengusaha baru industri kecil dan sederhana didapati adalah terdiri daripada wanita. Apakah fenomena ini berlaku juga di Malaysia dan sekira ya - apakah tindakan atau program susulan yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk memastikan galakan wajar diberikan kepada golongan wanita ini. Terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengertian yang dibuat oleh kementerian masa kebelakangan ini, kita lihat lebih ramai usahawan-usahawan wanita yang menceburkan diri di dalam bidang ini. Kalau dahulu kita lihat seorang usahawan harus memandu kereta jauh, kena bermalam berhari-hari di tempat lain - sekarang dengan adanya komunikasi yang canggih (IT) kita lihat beban yang harus dipikul oleh usahawan itu telah berkurangan dan bilangan wanita yang berpendidikan tinggi dan berpelajaran juga telah bertambah. Kementerian dari semasa ke semasa seperti mana yang telah saya katakan tadi menggalakkan usahawan-usahawan wanita menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dalam negara kita.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas kepada kementerian yang telah berjaya untuk mempertingkatkan IKS. Cuma apa yang saya ingin tahu IKS - industri makanan. Faktor pertama yang dihadapi oleh peniaga-peniaga industri makanan kecil dan sederhana ini adalah dari segi pembungkusan, kualiti dan pemasaran. Jadi apakah pihak kementerian juga akan melihat dari sudut pembungkusan, pemasaran dan juga kualiti kerana kadang-kadang kita dapati barang-barang yang dibuat di Johor tidak sampai ke Melaka, yang dibuat di Pulau Pinang tidak sampai ke Kuala Lumpur. Ini bermakna skim pemasaran itu tidak jauh. Oleh yang demikian mungkin pihak kementerian mempunyai perancangan untuk mengenal pasti supaya pemasaran, pembungkusan dan kualiti IKS dapat dipertingkatkan supaya orang

ramai yang terlibat dalam pinjaman tabung IKS ini akan dapat membangun dengan lebih jayanya. Terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Yan. Itu juga menjadi matlamat kementerian untuk memastikan pemasaran, pembungkusan dan kualiti. Usahawan-usahawan IKS ini dapat dipertingkatkan melalui program-program di kementerian. Latihan-latihan sedang dijalankan, program jaringan (networking) dijalankan di antara usahawan-usahawan. Di samping itu kita sedang menyiapkan satu data maklumat untuk memastikan jaringan di antara usahawan itu dapat dipertingkatkan.

### **LUMBA HARAM - PENGLIBATAN SEPANJANG TAHUN 1997 DAN 1998**

9. **Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah yang terlibat dalam lumba haram sepanjang tahun 1997 & 1998 dan apakah langkah-langkah kerajaan bagi membasmi perkara tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1997 sebanyak 1,285 tangkapan telah dibuat ke atas mereka yang terlibat dengan kegiatan lumba haram sementara bagi tahun 1998 sehingga bulan Mei sebanyak 924 tangkapan telah pun dibuat. Bagi membasmi kegiatan lumba haram ini Polis Diraja Malaysia telah merancang operasi-operasi ke atas lumba haram pada waktu-waktu tertentu di sepanjang tahun terutama sekali di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, George Town dan Johor Bahru. Operasi-operasi ini juga dijalankan secara bersepadu dengan agensi-agensinya penguatkuasa yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Dewan Bandaraya yang berkenaan.

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan hukuman-hukuman yang dilaksanakan pada masa ini masih

kurang berkesan bagi membanteras kejadian lumba haram yang telah banyak mengakibatkan kemalangan serta kematian. Soalan saya, tidakkah kerajaan bercadang untuk mengenakan hukuman-hukuman yang lebih berat seperti hukuman sebat, rampas kenderaan dan lain-lain lagi. Terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini memang pihak Polis Diraja Malaysia telah mengemukakan pandangan ataupun cadangan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri dan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan juga sedang dalam proses mengkaji semula akta-akta yang berkenaan. Dari segi Kanun Keseksaan pihak Polis telah kemukakan supaya kenakan hukuman lebih berat seperti mandatori sentence, tingkatkan penalti dari segi hukuman dan dari segi hukuman penjara cadangan Polis ialah sekurang-kurangnya 3 tahun. Kalau disabitkan dan juga sebatan akan dikenakan sekurang-kurangnya 3 sebatan dan tidak lebih daripada 8 sebatan. Begitu juga bagi mereka yang cuba menganjurkan lumba haram akan dikenakan. Ini cadangan Polis dan sedang dikaji oleh Kementerian Dalam Negeri dan akan dikenakan penjara sekurang-kurangnya 4 tahun tidak lebih daripada 10 tahun dan dikenakan sebatan tidak kurang daripada 6 sebatan. Semua kajian ini sedang dijalankan dan kalau setuju - kita terpaksa pinda Kanun Keseksaan. Pada masa yang sama saya difahamkan Kementerian Pengangkutan juga sedang mengkaji Akta Pengangkutan Jalan yang menuju ke arah yang sama iaitu meninggikan hukuman.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya rasa kita masih tidak dapat menghapuskan perlumbaan haram ini oleh sebab pihak Polis menggunakan bahagian trafik sahaja untuk menangkap di samping pihak JPJ yang juga berpakaian seragam (uniform). Dari jauh lagi mereka sudah 'blah'. Tidak adakah rancangan kementerian supaya menggunakan Polis Komando yang berpakaian plain cloth, dengan izin ataupun detektif yang tidak berpakaian [*Ketawa*] .....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** .... dia orang kacau Tuan Yang di-Pertua, yang berpakaian plain cloth, dengan izin. Sebab saya tengok di hadapan rumah saya bukan macam bandar Kuala Lumpur. Di Pokok Sena juga ada 'race'. Polis pergi dengan 'out rider' dengan uniform yang smart - bila mereka nampak mereka sudah lari. Kalau ada plain cloth ataupun Polis Komando yang tidak pakai uniform ini pergi berkawan, bawa gari dan gari di motor. Senang cerita.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dalam cadangan pihak Polis kepada kementerian juga ada menyebutkan kalau ada di antara mereka yang cuba lari apabila operasi dijalankan. Penalti akan lebih hebat daripada mereka yang cuba berlumba. Sekiranya pindaan ini dapat kita pertimbang untuk diluluskan maka ia akan jadi satu deterrent yang cukup berkesan. Apabila kita dakwa beberapa kes ke mahkamah kalau dihebahkan melalui media massa kami berpendapat ia akan ada kesan. Bagi pihak Polis yang tidak beruniform sebenarnya dalam operasi-operasi yang bersepadu ada juga anggota Polis yang tidak beruniform bukan 'tidak berpakaian'. Tidak beruniform iaitu CID dan sebagainya mungkin boleh membantu tetapi ada juga kelemahan. Kalau sekiranya kita benarkan semua Polis yang tidak beruniform tiba-tiba keluar daripada tepi jalan untuk memberhentikan kenderaan yang laju. Bahaya juga dari segi keselamatan pemandu dan juga Polis sendiri. Itu adalah satu aspek yang kita harus berhati-hati. Walau bagaimanapun hukuman itu akan menjadi deterrent.

### **TELEFON AWAM DI BANDAR DAN DI LUAR BANDAR - SEBAB KEROSAKAN**

10. **Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah kerosakan pada telefon awam di bandar dan di luar bandar disebabkan sikap pengguna atau disebabkan kelemahan penyelenggaraan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerosakan pada telefon awam di bandar dan di luar bandar kebanyakannya berpunca daripada kegiatan vandalisme pengguna dengan kadar sebanyak 9% diikuti kerosakan talian sebanyak 1% dan selenggaraan alat ganti sebanyak 4%.

**Tuan Amihamzah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa satu daripada sebab yang mungkin juga menambahkan bilangan kerosakan telefon ini ialah disebabkan oleh kerana bilangan telefon awam itu ditempatkan di tempat-tempat yang diperlukan tetapi tidak mencukupi, dan dengan demikian kita didapati bahawa disebabkan oleh masalah teknikal umpamanya, seperti tempat mengisi wang dan sebagainya penuh, maka pengguna-pengguna tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut dan melepaskan frustrationnya, dengan izin, kepada telefon berkenaan. Saya berpendapat ini adalah satu daripada sebab yang berlaku kerosakan di luar-luar bandar. Jadi, adakah tepat pada kajian Kementerian Yang Berhormat kerana saya fikir kajian adalah menyeluruh, sepatutnya kita buat kajian perbandingan antara luar bandar dan dalam bandar.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, saya ingat faktor yang penting, yang utama menyebabkan vandalisme berlaku ke atas telefon awam ialah kekurangan kesedaran sivik antara golongan yang tertentu. Maka untuk menyelesaikan masalah ini, cara yang efektif sekali ialah marilah kita bersama-sama untuk menjalankan kempen untuk meningkatkan kesedaran sivik antara rakyat Malaysia. Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat semasa turun padang bila mengadakan majlis perjumpaan dengan rakyat mengingatkan betapa pentingnya bagi kita menjagakan kemudahan awam yang dibekalkan oleh pihak kerajaan dan syarikat-syarikat tertentu. Ini adalah untuk kepentingan rakyat sendiri.

Kalau sekiranya kempen meningkatkan kesedaran sivik antara golongan tertentu ini, maka saya yakin bahawa vandalisme ini akan berkurangan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha ataupun kempen terbaru untuk meningkatkan kesedaran telah sudah dibuat oleh kementerian untuk mendidik para pengguna supaya menyayangi telefon awam?

**Dato' Chan Kong Choy:** Pihak kementerian memang dari semasa ke semasa mengadakan kempen dan juga majlis dialog dengan rakyat untuk meningkatkan kesedaran sivik rakyat Malaysia untuk menjaga kemudahan awam yang dibekalkan oleh kementerian dan juga syarikat-syarikat yang tertentu, tetapi ini tidak mencukupi. Kita memerlukan kerjasama dari semua pihak supaya menjayakan kempen yang disebutkan ini. Walau bagaimanapun, selain daripada kempen untuk meningkatkan kesedaran sivik antara rakyat Malaysia, pihak-pihak syarikat yang mengendalikan telefon awam ini telah juga mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menyelesaikan masalah vandalisme telefon awam ini. Ini termasuk menukar kepada kad phone, meningkatkan kerjasama dengan polis, membuat rondaan sendiri oleh pihak pengusaha telefon awam, memindahkan telefon awam ke lokasi yang lebih strategik dan selamat dan juga telefon awam kalau sekiranya ditempatkan di hadapan balai polis.

#### Y2K (MILLENIUM BUG) – KESEDARAN RAKYAT DAN KERAJAAN SERTA USAHA MENGATASINYA

11. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan perkembangan usaha kerajaan dalam menangani masalah serius mengenai isu kesedaran yang rendah terhadap Millenium Bug atau Y2K di Malaysia sungguhpun kini hanya tinggal 18 bulan sebelum kita melangkah masuk ke tahun 2000, dan sama ada wujudnya sebarang rancangan nasional yang menyeluruh untuk mengeluarkan mesej jelas bahawa masalah Y2K akan menjejaskan setiap orang dalam masyarakat Malaysia.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi soalan mengenai isu Y2K ini telah pun saya sampaikan apabila menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Tawau pada 23 Julai 1998 di Dewan yang mulia ini.

Beberapa program kesedaran dan publisiti telah dan sedang giat dijalankan sebagai usaha memberi kesedaran kepada rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebagai pelancaran kepada kempen kesedaran, kerajaan bersama dengan Majlis Teknologi Maklumat Negara telah menganjurkan National Workshop on Y2K Problem, dengan izin, pada 23 April 1998.

Bengkel ini telah disertai oleh pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi regulatory, badan-badan payung seperti F&N, Pikom, Bank Negara, Bursa Saham Kuala Lumpur serta industri kecil dan sederhana. Kerajaan juga telah mengambil bahagian dalam forum industri mengenai Y2K yang telah dianjurkan oleh Persatuan Industri Komputer (Pikom) pada 1 Jun dan 30 Jun 1998. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menggubal beberapa program untuk meningkatkan pengetahuan pengguna mengenai isu Y2K. Selain daripada ini, pameran Y2K akan diadakan bersama pameran teknologi maklumat yang telah pun diadakan pada 24 Julai 1998 di Melaka dan pameran ini akan diadakan di tiap-tiap negeri selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, artikel tentang isu Y2K juga ada disiarkan setiap hari Isnin di akhbar *Berita Harian* dan juga di akhbar-akhbar bahasa yang lain. Paparan berita Y2K telah dan akan diteruskan melalui televisyen juga. Selain daripada itu, satu laman web Y2K telah pun diwujudkan dan dikendalikan sebagai pusat maklumat interactive.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya semua ahli Dewan terutamanya yang menunjukkan minat mengenai masalah Y2K agar sama-sama membantu kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai

masalah Y2K ini. Sewajarnya masalah ini dianggap sebagai masalah negara dan semua pihak patut membantu dan bekerjasama dalam hal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Masa sudah suntuk bagi Soal Jawab.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 12 hingga 74 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1998) 1998

#### Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 1998

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 dibaca kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat ratus lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan

Pertama, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut. *[23 Julai 98]*”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta sambung.

**3.38 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan kelainan angka pertumbuhan (KDNK) bagi tahun 1998 di antara kerajaan dengan MIER. Anggaran kuncupan KDNK bagi tahun 1998 sebanyak -1% hingga -2% yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah jangkaan prestasi ekonomi setelah diambil kira kesan tambahan peruntukan perbelanjaan dan langkah-langkah tambahan bagi mempergiatkan lagi aktiviti ekonomi yang diterangkan dalam Dewan yang mulia ini, pada Julai 1998. Sekiranya tiada perbelanjaan tambahan dan langkah-langkah tambahan ini, kuncupan ekonomi yang lebih ketara daripada -1% hingga -2% adalah dijangkakan.

Oleh hal yang demikian, ramalan MIER bahawa pertumbuhan KDNK bagi tahun 1998 ialah -2.8% tanpa mengambil kira kesan langkah-langkah yang diumumkan pada 13 Julai 1998 adalah munasabah dan tidak bercanggah dengan anggaran -1% hingga -2% yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, krisis keyakinan rakyat Malaysia....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mengenai penjelasan itu, tetapi bukannya sudah beberapa kali unjuran atau forecast economist-economist atau institusi-institusi research ekonomi dan kewangan ada berbeza dengan forecast rasmi sama ada tahun lalu atau sekarang, di mana forecast mereka nampaknya lebih realistik, lebih awal dan akhirnya perlu diikuti oleh kerajaan. Semacam di tahun lalu bulan Disember adalah lebih rendah ini berlaku. Baru-baru ini Mudis Investor Service ada buat ramalan bahawa KDNK ialah -4% ke -5%, khasnya apabila dengan down grade Soverign Credit Rating di mana memaksa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini, kalau tidak sudah pergi ke Eropah untuk jual soverign bond, sekarang tidak boleh jual soverign bond, oleh kerana kesan yang amat buruk daripada Mudis Investor Service yang menurunkan Soverign Credit Rating. Bukankah ini menunjukkan bahawa apa yang penting ialah supaya boleh memulihkan keyakinan rakyat dan pelabur-pelabur kepada rancangan-rancangan kerajaan untuk memulihkan ekonomi.

Baru-baru ini kita ada pengumuman National Economic Recovery Plan (NERP), tetapi sampai sekarang plan ini belum dikemukakan dan diedarkan kepada Ahli Yang Berhormat. Adakah rang undang-undang ini antara satu langkah di bawah National Economic Recovery Plan. Adakah ini antara satu langkah National Economic Recovery Plan yang disediakan oleh MTEN dan diluluskan oleh Kabinet dua minggu lalu, dan kalau begitu kenapa NERP tidak dibentang di Parlimen untuk satu perbahasan yang mendalam. Kedua, oleh kerana masa tidak diberi untuk buat kajian mengenai rang undang-undang ini dan perbahasan dimulakan pada hari Khamis, bukannya cara khasnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ada di sini, bukannya cara untuk kemukakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini tidak betul, tidak mengikut peraturan yang sebenar. Ia melanggar peraturan oleh kerana apa

yang kita ada di sini ialah satu permohonan Perbekalan Tambahan untuk RM400 juta untuk Belanja Mengurus dan RM1.4 bilion untuk Maksud Pembangunan, dan sebenarnya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cuba pendekkan soalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini satu perkara yang rumit oleh kerana satu perkara yang besar. Bukankah bahawa tidak ada butir-butiran yang sepatutnya diadakan di sini yang sebanyak RM12 bilion dikemukakan dalam Parlimen. Oleh kerana pada Disember apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan 18% cut back, bererti bahawa RM11.6 bilion dikurangkan, tetapi sekarang bukan restore cut back itu. Apa yang berlaku ialah tambah lagi RM12 bilion komitmen yang baru sama ada untuk maksud infrastruktur, prasarana dan lain-lain. Mungkin atas sebab bahawa Dewan ini sudah meluluskan RM11.6 bilion itu kerajaan boleh menggunakan sewenang-wenangnya, itu tidak boleh.

Sungguhpun RM11.6 bilion sudah cut back, semua itu dibatalkan. Apabila kerajaan menambahkan permohonan mahu belanja RM12 bilion untuk pembangunan infrastruktur, inilah semua butir-butir baru yang perlu dikemukakan dalam Parlimen untuk diluluskan oleh Parlimen. Tidak boleh RM12 bilion vacuum, boleh guna sesukanya. Bukankah ini salah. Ini melanggar peraturan Parlimen. Sebab itu apa yang kita ada bukan butir-butiran yang sebenar. Kita mahu butir-butiran RM12 bilion yang akan dibelanjakan untuk Maksud yang baru, bukan Maksud yang kita luluskan ada cut back, dan kalau ini di'restore'kan dipulih balik, itu kita terima. Itu bukan restore balik, itu Maksud yang baru. Bukankah lagi ada komitmen yang baru, sama ada RM25 bilion untuk Danaharta atau RM16 bilion untuk.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh saya gulungkan, saya akan habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh berucap tetapi bukan berucap sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bukan berucap, saya tanya penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak ucap, saya mahu tanya sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kalau Yang Berhormat hendak soal, pendekkan soalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya pendekkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Jangan ambil kesempatan untuk berucap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak. Bukankah ini langkah yang tidak teratur dan munasabah, oleh kerana ada lagi satu butir-butiran sekurang-kurangnya RM40 bilion, RM25 bilion untuk Danaharta dan RM 16 bilion untuk recapitalise bank-bank di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Tugas-tugas Khas akan pergi luar negeri untuk meminta bond, komitmen kerajaan sekurang-kurangnya ialah RM100 bilion budget untuk tahun ini. Kenapa semua tidak dalam butir-butiran. Bolehkah kita dapat satu penjelasan yang jelas, kalau bukan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mungkin oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan supaya ada transparency, ada accountability dalam cara budget dikemukakan dalam Parlimen ini supaya boleh memulihkan keyakinan kerajaan?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan di sini bahawa pembentangan rang undang-undang ini adalah bertepatan dengan peruntukan 67 enclosure 2, Peraturan-peraturan Mesyuarat

Dewan Rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya turunkan butir-butiran Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan di atas tiap-tiap meja Yang Berhormat dan tarikh-tarikhnya bersekali.

Pertamanya, DR14/98 Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1998 yang telah dibentangkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat pada 13 Julai 1998.

Yang keduanya, Kertas Perintah 18 dan 18A 1998, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1998 yang telah dibentangkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat pada 16 Julai 1998.

Yang ketiganya, Kertas Bertindak 19 dan 19A 1998, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1998 yang telah juga dibentangkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat pada 16 Julai 1998.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan point.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat, sabar. Mungkin dia akan menjawab.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Kertas Statut ST.170/1998, penyata keluaran wang daripada simpanan berjangka tempoh 2 Januari 1998 hingga 10 Jun 1998 telah pun dibentangkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat pada 16 Julai 1998.

Seperti yang dijelaskan dokumen-dokumen Anggaran Tambahan telah pun dibentangkan di atas meja mesyuarat pada 13 dan 16 Julai 1998, maka pembentangan untuk bacaan kali kedua pada hari ini, iaitu pada hari itu 27 Julai 1998 adalah bertepatan dengan Pertaturan 67, enclosure 2, Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jadi, kalau mengikut Peraturan 67(2) ini betul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Yang Berhormat dari Tanjong juga telah membangkitkan kelainan angka pertumbuhan tadi yang telah pun saya bentangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Nanti dahulu, saya habiskan dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Speak the truth!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar. Dia tidak beri jalan sekarang.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Nanti, saya habiskan ini dahulu.

Mengenai tuntutan, iaitu berkenaan dengan banyak peruntukan yang telah pun disiarkan, ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun menyiarkan perkara ini sebagai ministerial statement pada 13 Julai 1998 dan juga ministerial statement pada 16 Julai 1998 di Dewan yang mulia ini. Kerajaan telah bersetuju di dalam ministerial statement itu bahawa RM7 bilion akan didapati dan tambahan peruntukan akan diagihkan kepada projek-projek yang produktif. Misalnya, pertanian kita agihkan sebanyak RM367 juta, perumahan RM200 juta, pendidikan RM1,000 juta, infrastruktur dan kemudahan awam RM1,500 juta, pembangunan industri RM200 juta, pembangunan desa RM200 juta, kesihatan RM300 juta, pembasmian kemiskinan RM300 juta, Cyberview RM654 juta dan dana pengurusan harta RM2,250 juta. Jadi, perkara ini telah pun dibentangkan di Parlimen mengenai Danaharta pada 16 Julai 1998 dan mengenai ministerial statement pada 13 Julai 1998.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak pernah kata bahawa perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Bacaan Kedua melanggar Peraturan

Mesyuarat. Saya tidak mengakui pada hari Khamis bahawa kerajaan ada hak mengikut Peraturan Mesyuarat untuk tukar susunan Peraturan Mesyuarat. Tetapi untuk isu-isu, perkara-perkara penting patutlah memberi notis kepada bukan sahaja pihak pembangkang, tetapi kepada semua Ahli Parlimen supaya mereka tidak, dengan izin, caught by surprise last minutes. Sungguhpun ada, boleh kata ini nombor ten dalam senarai susunan Peraturan Mesyuarat, esok datang jadi nombor one item, caught by surprise. Itulah spirit, semangat tradisi konvensi Parlimen. Itu yang pertama.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ministerial statement ada menghuraikan beberapa perkara yang akan dibelanjakan dalam peruntukan tambahan ialah RM7 bilion mengenai projek-projek development dan lagi RM5 bilion untuk infrastruktur-infrastruktur. Betul, ada beberapa butiran diberikan, tetapi bukan butiran yang lengkap, yang pertama.

Ketiga, semua butiran itu patutlah dimaktub dalam kertas Perbekalan Tambahan supaya ia dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini. Itulah tujuan Parlimen ini, bukan dalam satu kenyataan minstral sahaja, tetapi perlu transkrip termaktub dalam Perbekalan Tambahan supaya kita boleh bahas satu demi satu. Oleh kerana ini semua keluar daripada Perbekalan Tambahan, dan Perbekalan Tambahan ini improper dan irregular oleh kerana kita tidak ada peluang untuk bahas satu demi satu peruntukan yang baru yang sekarang mahu dibelanjakan oleh pihak kerajaan.

Inilah saya berharap, ini bukan hendak create problem unnecessary, ini accountability. Saya harap bahawa mungkin kalau boleh selepas perbahasan kelulusan second reading bahawa perbahasan boleh ditangguhkan supaya esok barulah kita semua mula peringkat Jawatankuasa....

**Seorang Ahli:** Tidak payah!

**Tuan Lim Kit Siang:** ...dan esok ada satu senarai perbelanjaan yang dianggarkan untuk RM12 bilion itu diedarkan untuk ahli-ahli Parlimen supaya apabila kita bahas di peringkat Jawatankuasa kita tahu apa yang kita bahas. Sekarang apa yang kita ada di sini ialah apa yang lebih daripada angka RM64 bilion yang kita luluskan dalam tahun lalu sebagai Budget 1998. Tetapi kita sudah potong RM11.6 bilion, sekarang kita mahu tambah lagi. Sebab itu kita perlu butir-butiran supaya kita boleh bahas apa yang kita mahu mengenai pendidikan, mengenai kesihatan, mengenai projek-projek membasmi kemiskinan dan lain-lain. A ministerial statement tidak cukup, kita mahu ada supaya kita boleh bahas dan luluskan. Kalau tidak irregular, improper.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya terima kenyataan bahawa dari sudut kebiasaan memang kita tidak membangkang. Ekonomi dan keadaan sekarang ini memang luar biasa, maka ia menuntut juga beberapa langkah yang agak luar biasa. Tetapi soal menghormati peraturan Parlimen, itu kita tidak ketepikan. Sebab itu kita ambil langkah yang perlu untuk segera memaklumkan Parlimen, langkah-langkah baru tentang bahan ini diambil dan sedikit pun tidak menghalang dari Parlimen untuk membahaskan walaupun secara yang spesifik, yang merujuk kepada langkah-langkah yang saya sebut sebagai counter cyclical yang diumumkan itu tidak disiapkan dengan butir-butiran lanjut, kerana kita masih meneliti cabang-cabang peruntukan yang harus dilakukan.

Saya tidak fikir Parlimen harus digunakan sebagai tempat untuk melengahkan pelaksanaan. Parlimen harus dihormati. Oleh yang demikian, peruntukan-peruntukan besar yang diumumkan harus dimaklumkan dan mendapat kelulusan. Sebab itu Belanjawan negara dibentangkan di sini. Tetapi langkah-

langkah tambahan itu perlu kita umumkan segera, kita ambil tindakan segera. Saya anggap juga beberapa pengumuman Yang Berhormat dari Tanjong itu agak terkeliru sedikit, sebab ada yang dimasukkan dalam peruntukan Belanjawan, ada yang luar Belanjawan. Umpamanya, Danaharta walaupun peruntukan disebutkan RM25 bilion, tetapi peruntukan kerajaan bagi tahun ini ialah RM2.25 bilion.

Jadi, oleh yang demikian jumlah keseluruhannya itu diperlukan, mungkin tahun depan atau tahun berikutnya. Tetapi saya tidak fikir wajar dalam keadaan sekarang Yang Berhormat dari Tanjong untuk menuntut semua ini dibahaskan dalam Parlimen kerana Parlimen masih diberi peluang dan ruang termasuk dalam Perbekalan Tambahan yang ada untuk mengaitkan semua isu yang dibangkitkan dari segi peruntukan tambahan yang kita umumkan.

Tentu akhirnya, saya terpaksa bantangkan butiran-butiran ini dalam Parlimen juga, kalau sempat pada sesi ini, kalau tidak sempat pada sesi akan datang untuk menjelaskan tentang keperluan Perbekalan Tambahan. Tetapi seperti sedia maklum, ada beberapa proses dan prosedur yang harus kita lalui sebelum kita bantangkan di Parlimen ini termasuk kelulusan semua agensi pusat ke Jemaah Menteri, baru ke Parlimen. Jadi, soal-soal itu tidak kita ketepikan.

Saya pilih untuk memaklumkan ke Parlimen awal kerana semata-mata kerana menghormati kedudukan Parlimen. Kalau tidak terpaksa kita tangguhkan pengumuman itu sehingga satu masa yang kemudian walaupun kita tahu negara dilanda satu krisis ekonomi dan langkah-langkah segera untuk memastikan projek-projek dilaksanakan segera, bukan sekadar mengikut jadual tetapi segera, itu harus dimulakan dari sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Terima kasih, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai penjelasannya. Kita boleh menerima spirit kenapa kerajaan rasa perlu dengan segera melaksanakan projek-projek supaya boleh memulihkan atau 'kick start' ekonomi negara kita. Tetapi kita perlu

mengikut kaedah-kaedah yang betul. Sekurang-kurangnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah mengakui bahawa senarai butir-butiran mengenai RM12 bilion belum siap, ada sedikit lagi belum siap dan dia ada buat jaminan bahawa akan membenteng laporan atau senarai itu untuk Parlimen, harap dalam sesi ini. Tetapi ini, dengan izin, putting the cart before the horse. Kalau begitu mana ada peluang Parlimen untuk bincang, untuk bahas dan lulus dengan terperinci butir-butiran mengenai peruntukan-peruntukan yang dianggarkan, yang diluluskan. Itu prinsip yang mustahak.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Let me finish. Saya boleh menerima rasa perlu segerakan projek-projek. Kalau begitu, apa yang kita patut buat ialah satu permohonan untuk supplementary contingency fund RM12 bilion yang pernah dibuat dalam Parlimen ini apabila akhir tahun, tidak mungkin satu budget tahun depan diluluskan, adalah satu kelulusan peruntukan dibuat contingency allocation untuk tahun baru sekurang-kurangnya untuk first three months supaya tidak ada berlaku kakitangan tidak ada wang untuk dibayar gaji. Itu kita boleh terima. Kita boleh in good faith. Tetapi kalau sekarang kita diminta untuk memberi satu blank check. Apa erti itu di sini. Kita diminta untuk beri satu blank check RM12 bilion tidak tahu apa butir-butiran dan kita bukan kata kita sangka niat jahat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila dapat RM12 bilion dia akan guna wang itu untuk kepentingan sendiri, akan berlaku penyalahgunaan wang, tidak. Kita tidak ada sangka atau misappropriation of fund, tetapi prinsip setiap peruntukan perlu diluluskan, dibahas oleh Dewan yang mulia ini. Itulah prinsip.

Kalau ini bererti bahawa satu senarai belum siap, satu contingency allocation kita sokong, 100% kita sokong. Walaupun eye close kita sokong, oleh kerana segera krisis kegawatan.

Tetapi apabila kita mahu meluluskan peruntukan khas budget kita perlulah senarai yang penuh. Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh faham kenapa kita timbul perkara ini atas parliamentary propriety dan correctness.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong ini dalam Parlimen lebih lama daripada saya dan dia tahu daripada awal soal perbekalan tambahan sama seperti mana yang kita lakukan sekarang iaitu umumnya perbekalan tambahan itu dibentangkan sesudah iaitu dalam proses pelaksanaan projek-projek tersebut berbeza dengan Belanjawan dan selalunya sedikit wawenang (flexibility) diberikan oleh kerajaan. Untuk menyatakan bahawa ini harus masuk dalam contingency fund ataupun emergency fund itu tidak perlu kerana kita tidak sampai ke tahap yang mendesak begitu sehingga sukar membayar gaji pekerja. Yang kita tambah peruntukan ini projek-projek pembangunan terutama pembangunan sosial, perumahan, pertanian, pembangunan industri. Jadi oleh yang demikian, ia tidak termasuk sementara ia mendesak, ia tidak perlu dimasukkan dalam contingency fund. Untuk menyatakan bahawa ia blank cheque juga tidak tepat kerana kita berikan tajuk pokok yang penting – terperinci kita mengambil masa, umpamanya kita luluskan RM1 bilion untuk pendidikan dan latihan. Secara terperinci ia mengambil masa sama ada sekolah menengah sains didirikan di Pasir Putehkah atau Ceruk To' Kunkah, kita belum dapat pasti kerana ia melibatkan juga soal pengambilan tanah dan betapa cepat kita boleh menguruskan hal-hal yang sedemikian.

Oleh yang demikian, saya rasa tidak wajar perkara ini dibangkitkan seolah-olah kita tidak berikan keterangan yang lebih detail, walaupun saya katakan tidak ada keterangan yang begitu terperinci, tajuk-tajuk pokok itu disediakan termasuk dana khas

pembangunan prasarana RM5 bilion juga ditetapkan tajuk-tajuk utama, cuma kita tidak berupaya dalam keadaan sekarang untuk memberikan kesemua keterangan yang akan memenuhi maksud peruntukan perbekalan dan saya ingat ini penjelasan yang cukup dan saya harap Yang Berhormat dari Tanjong melihat masalah ekonomi ini sebagai masalah yang utama dan cari jalan sama-sama membantu menyelesaikan dan bukan untuk merumitkan titik-bengik ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan. Kita rela memberi segala kerjasama dengan kerajaan untuk memulih dan mengatasi kegawatan ekonomi. Jangan buat sangkaan yang tidak patut dibuat. Kita rela memberi seratus peratus sokongan termasuk kita rela memberi seratus peratus sokongan kepada National Economic Recovery Plan (NERP) kalau kita diyakinkan itulah satu pelan yang boleh memulihkan ekonomi, boleh memulihkan keyakinan tetapi sampai sekarang kita tidak ada satu copy NERP, apa kita boleh buat, kita tidak ada masa dan peluang untuk mengkaji (study) perkara ini.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa ada tajuk-tajuk besar diberikan, ada masa untuk Dewan yang mulia ini untuk membahas. Tidak, itulah masalah oleh kerana tidak ada satu senarai butir-butiran diberi. Ahli Parlimen dinafikan satu peluang, hak dan tanggungjawab mereka untuk scrutinize dan bahas peruntukan-peruntukan semacam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata tadi sebut ada RM1 bilion diperuntukkan untuk pendidikan. Benar, tetapi mana ada di sini? *[Menunjukkan usul pembangunan]* Mana ada anggaran perbelanjaan pembangunan RM1.4 bilion, mana ada RM1 bilion peruntukan untuk pendidikan dalam usul pembangunan ini? Langsung tidak ada Kementerian Pendidikan. Sebab itu kita tidak ada peluang untuk bincang dan bahas mengenai tujuan untuk membelanjakan RM1 bilion tambahan untuk pendidikan, bukan kita bantah, bukan kita tidak bersetuju tetapi kita mahu bahas supaya mungkin kita mahu Belanjawan yang lebih efektif dan lebih berkesan untuk manfaat rakyat dan itulah satu contoh yang baik di mana sungguhpun ada keterangan-keterangan dibuat dalam ministerial statement tetapi oleh kerana tidak terkandung dalam kertas-kertas di hadapan kita – semacam RM1 bilion peruntukan untuk pendidikan, tidak ada di sini. Kalau tidak ada di sini apabila dalam Jawatankuasa, bagaimana kita boleh bahas? Tidak ada tajuk langsung mengenai Kementerian

Pendidikan dan dalam perbincangan bacaan kedua satu hari sahaja – RM1 bilion, RM12 bilion dan saya haraplah jangan buat sangkaan jahat bahawa kita mahu mengganggu, kita tidak. Kita rela sekali, tadi saya ada kata kalau keadaan begitu segera, perlu peruntukan, senarai tidak siap, kita rela memberi satu peruntukan kontinjensi bukan oleh kerana gaji kakitangan tidak boleh dibayar tetapi oleh kerana belum ada kertas-kertas yang lengkap mengenai tajuk-tajuk yang perlu untuk dibelanjakan, i.e. mengenai apa yang proper and regular dan saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh memberi pertimbangan yang sewajarnya as a reasonable man supaya apa yang kita bahas dalam Parlimen ialah mengenai apa yang dihasratkan oleh kerajaan dalam RM12 bilion perbelanjaan yang baru.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa bukan semua jumlah angka RM25 bilion untuk pengurusan dana harta dan RM16 bilion untuk recapitalization of banks daripada komitmen kerajaan tetapi kita tahu kerajaan akan menjadi guarantor, kalau kerajaan menjadi guarantor sungguhpun wang-wang itu mungkin sebahagian daripada sektor swasta, sebahagian itu daripada bidang antarabangsa, akhirnya ialah tanggungjawab Treasury dan kalau begitu bukankah untuk tahun 1988 kita sudah commit satu budget pengurusan, operating dan pembangunan dekat RM100 bilion?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada apa-apa tambahan Yang Berhormat, kalau tidak ada apa-apa tambahan kita minta jawapan diteruskan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Ya. Mengenai bantuan kepada syarikat-syarikat, ingin saya maklumkan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat yang bermasalah perlu berpandukan kepada tiga kriteria. Pertama, kepentingan negara, kedua, kepentingan strategi dan ketiga mengambil kira ekuiti di bawah Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional.

Industri dan aktiviti perniagaan yang memberi manfaat kepada pelbagai lapisan penduduk serta membantu meningkatkan taraf hidup boleh dianggap sebagai mempunyai kepentingan negara. Bank, pendidikan serta sebahagian daripada kemudahan infrastruktur adalah di antara beberapa industri yang mempunyai kepentingan negara.

Industri dan perniagaan strategik adalah meliputi industri yang menyumbang kepada pertumbuhan bagi sektor-sektor tertentu atau yang memberikan sokongan penting terhadap industri dan perniagaan lain – industri kereta motor, aero-angkasa dan perkapalan adalah contoh-contoh industri strategik negara.

Sebagai prinsip asas, tidak akan ada bail-out yang menggunakan dana awam untuk melabur individu atau peminjam kecuali bagi industri dan perbadanan-perbadanan dalam sektor penting dan strategik yang mempunyai kepentingan negara. Bagi kes-kes tertentu mungkin kerajaan mempunyai asas kukuh atau campurtangan Bank Negara untuk terlibat bagi membantu bank-bank atau syarikat-syarikat yang bermasalah. Mungkin pengalaman sama dan langkah-langkah yang dijalankan oleh negara lain yang Malaysia boleh mempelajari darinya. Bagi mana-mana tindakan tersebut, ketelusan bagi pelan tindakan adalah paling utama supaya tidak akan timbul kesan buruk terhadap kredibiliti pihak berkuasa dan oleh itu mempertingkatkan keyakinan rakyat dan pelabur. Mana-mana urusan korporat bagi tujuan tersebut perlu disertai dengan penzahiran secara segera butir-butir lengkap kewangan.

Yang Berhormat dari Tanjong telah menanyakan mengenai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). MTEN telah ditubuhkan pada 7 Januari 1998 sebagai sebuah badan perunding kepada Kabinet untuk menangani masalah ekonomi. Tujuan MTEN ialah untuk membuat cadangan kepada kerajaan bagi memulihkan ekonomi dan mengelakkannya dari mengalami kemerosotan. Beberapa anggota Majlis Eksekutif MTEN ialah:

- (i) YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad - Perdana Menteri Malaysia;
- (ii) YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim - Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kewangan ;
- (iii) YAB Tun Daim Zainuddin – Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri dan Pengarah Eksekutif MTEN;
- (iv) Tan Sri Dato' Dr. Noordin Sopiee – Pengerusi atau Ketua Pegawai Eksekutif ISIS;
- (v) Encik Oh Siew Nam – Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia;

- (vi) Tan Sri Dato' Seri Ali Abul Hassan – Pengarah Unit Perancang Ekonomi JPM – Setiausaha MTEN.  
Senarai nama kumpulan khas Pengarah Eksekutif MTEN ialah:
- (i) Y.Bhg. Tan Sri Thong Yaw Hong – Pengerusi Public Bank;
  - (ii) Y.Bhg. Tan Sri Wan Azmi b Wan Hamzah – Pengerusi Land & General Bhd.;
  - (iii) Y.Bhg. Dr. Zainal Aznam bin Yusof – Timbalan Ketua Pengarah ISIS;
  - (iv) Y.Bhg. Profesor Madya Dr. Mahani Zainal Abidin – Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya;
  - (v) Y.Bhg. Cik Siti Hajar binti Mohd. Ismail – Setiausaha Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan.

Mengenai kedudukan MAS, ingin saya menyatakan kerugian yang dihadapi oleh MAS baru-baru ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti penurunan load factor, operasi, masalah penukaran wang asing yang melibatkan pembelian pesawat-pesawat dalam mata wang asing dan pengurangan yields sebenar akibat persaingan harga tiket pasaran di antara syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi di rantau ini. Oleh kerana KLIA baru sahaja beroperasi, adalah tidak tepat bahawa MAS telah menghadapi kerugian sebanyak 10% hingga 20% akibat penumpang-penumpang domestik tidak menggunakan perkhidmatan MAS kerana jarak KLIA begitu jauh. Memanglah benar bahawa pemindahan ke KLIA dari Subang akan tentu mempunyai kesan negatif ke atas operasi ke beberapa destinasi dari Kuala Lumpur seperti Ipoh dan Johor Bahru khususnya. Bagaimanapun, kesan sebenar akan hanya diketahui beberapa bulan kemudian. Kesan sedemikian diketahui oleh MAS dan pengubahsuaian (adjustment) akan dibuat olehnya bagi menghadapi cabaran ini. Keadaan sedemikian tidak dapat dielakkan oleh mana-mana syarikat penerbangan apabila sebuah lapangan terbang baru dibuka yang mana ia terletak jauh dari lapangan terbang yang lama.

Mengenai Sime Bank pula, kerugian RM1.57.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjong minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi penjelasan yang lebih lengkap kenapa masalah-masalah yang berlaku tidak boleh dielakkan. Kita boleh terima, titing problems, ini bukan titing problem, ini major problem dan sekarang masih ada. Sekarang sudah dekat satu bulan dan pagi ini saya datang naik kapal terbang dari Pulau Pinang. Sebelum airport dipindahkan ke KLIA Sepang, untuk hari Isnin, untuk pagi semua flights penuh – tidak boleh dapat kerusi kalau tidak pesan dengan lebih awal. Sekarang kapasiti 10%, 15% sahaja dan MAS making big losses – oleh kerana apa? Oleh kerana KLIA, bukan sahaja KLIA yang tidak begitu user friendly tetapi begitu banyak masalah yang berlaku – sistem komputer downed, baggage handling system sampai sekarang belum diselesaikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan ada di sini, dia tidak boleh lari daripada hakikat itu. Sekarang baggage handling system tidak boleh berjalan dengan memuaskan. Bukankah benar sehari ada satu ribu ke dua ribu komplain mengenai baggage dalam KLIA. Satu ribu ke dua ribu komplain mengenai loss baggages, misplace baggages – bagaimana orang mahu datang untuk KLIA? Lebih baik mereka pergi – apa yang mereka buat, rakyat Malaysia buat ialah mengelakkan KLIA terus pergi Changi Airport kalau mahu pergi luar negeri. Bukan masalah setia atau tidak setia, masalahnya ialah KLIA sampai sekarang belum boleh beroperasi dengan cekap. Kenapa ini berlaku? Sampai sekarang sistem passenger check-in selalu break-down, selalu berlaku. Saya tahu oleh kerana saya gunakan KLIA, saya taat setia – loyal, selalu menggunakan KLIA dan bukankah ini lebih baik, untuk kebaikan MAS supaya ada satu sistem baru, mungkin untuk Pulau Pinang, dengan izin, one of the most profitable sectors sekarang – lossing money, bukankah lebih baik untuk sehari – dulu ada 14, 15 flights sehari ke Pulau Pinang, sekarang potong kurang daripada 30 flights sehari pun, flight 10%, 15% kapasiti sahaja. Bukankah lebih baik di mana ada beberapa flights menggunakan Subang, ini akan memulihkan lebih baik kapasiti dan kegunaan dan untuk kebaikan negara kita.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Yang Berhormat, perkara ini pun telah dijawab oleh Menteri yang berkenaan dan kalau hendak penjelasan yang lebih luas

dan mendalam lagi, harap dapat Yang Berhormat bangkitkan semasa committee stage. Saya cuma hendak membuat analogi di sini, Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada committee stage mengenai KLIA.....

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Pengangkutan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Timbalan Menterinya bukankah ada di sini? Dia sanggup berdiri untuk menjawab, boleh beri dia chancekah? *[Ketawa][Disampuk]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:***[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat kita ialah Kementerian Kewangan menjawab bagi pihak semua kementerian.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Jadi, analogi saya senang sahaja Yang Berhormat. Kalau misalnya kita mengisi air dalam gelas, tiga suku penuh saya perhatikan tetapi Yang Berhormat memerhatikannya suku kosong. Jadi, kalau ini merupakan pemerhatian – memerhatikan perkara-perkara cuma yang negatif sahaja tidak mahu menonjolkan perkara yang positif, ini satu masalah yang kita hadapi sekarang ini.

Mengenai Sime Bank pula kerugian RM1.57 bilion dalam tempoh enam bulan kerana kejatuhan pasaran saham dan nilai mata wang serantau sehingga menjejaskan keupayaan peminjam-peminjam untuk membayar balik pinjaman. Pendedahan yang luas Sime Bank kepada pasaran saham serta ekonomi rantau mengakibatkan Sime Bank memerlukan peruntukan hutang ragu dan lapuk sebanyak RM1.8 bilion. Masalah Sime Bank berpunca dari kemerosotan yang ketara dalam kualiti aset di dua anak syarikatnya Sime Securities Sdn. Bhd. dan Sime International Bank (L) Ltd. dan di bank sendiri. Penyiasatan oleh Bank Negara Malaysia sedang dijalankan ekoran daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh Sime Bank dan anak-anak syarikatnya. Peruntukan hutang ragu dan lapuk Sime Bank ialah bagi operasi pembrokeran saham sebanyak RM620.1 juta (34.5%), pendedahan kepada Indonesia dan Thailand sebanyak RM615.2 juta (34.2%), operasi domestik sebanyak RM484.2 juta (26.9%) dan peruntukan am sebanyak RM78.8 juta (4.4%).

Proses pemeriksaan dan penyiasatan oleh Bank Negara Malaysia ke atas Sime Bank Bhd. hampir selesai. Sebahagian hasil penyiasatan awal telah pun dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk perbincangan, pandangan dan tindakan selanjutnya. Tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas pihak yang didapati terlibat dalam salah laku, penyelewengan atau jenayah. Pada masa yang sama, Sime Bank masih menjalankan tindakan yang sewajarnya untuk mendapatkan balik pinjaman, termasuk pinjaman dari peminjam-peminjam besar. Pihak Sime Bank perlu diberi masa dan ruang untuk mengambil tindakan berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan sebelum pihak lain, termasuk kerajaan masuk campur.

Yang Berhormat Tambun telah menyatakan bahawa kerajaan perlu jelaskan sama ada kegawatan ekonomi sekarang ini merupakan fenomena jangka pendek atau jangka panjang. Ini kerana perspektif yang jelas sama ada ia merupakan jangka pendek atau jangka panjang menghasilkan tindakan yang berlainan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri telah pun mengisytiharkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara- agenda tindakan. Ini merupakan tindakan jangka pendek, dan ada komponen yang merupakan tindakan sederhana dan ada juga komponen-komponen yang lain merupakan tindakan jangka panjang.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memandangkan pertumbuhan kredit telah meningkat dengan cepat dengan purata 30% bagi beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengetatkan dasar kewangan. Pengetatan dasar kewangan ini telah mengurangkan kadar pertumbuhan kredit dengan M3 menurun daripada 21.9% pada bulan Januari 1997 kepada 17.1% dalam bulan Disember 1997 dan seterusnya kepada 9.6% dalam bulan Mei tahun ini. Dasar kewangan yang ketat serta pertumbuhan kredit yang perlahan telah mengakibatkan peningkatan dalam kadar faedah. Ekoran krisis semasa, beberapa industri kini menghadapi kesukaran dari segi mudah tunai, manakala kos pembiayaan telah meningkat akibat kadar faedah pinjaman yang lebih tinggi. Kadar faedah antara bank untuk tempoh 3 bulan ialah 11% dan kadar faedah asas (BLR) bagi bank-bank komersial ialah 12.2% dalam bulan Mei 1998. Purata kadar faedah pinjaman bagi bank-bank komersial dan institusi-institusi kewangan telah meningkat daripada lingkungan 11% hingga 12% dalam bulan Januari

1998 kepada 14% hingga 16% dalam bulan Mac 1998. Walau bagaimanapun, langkah menurunkan kadar faedah dengan ketara akan menyebabkan kadar pertukaran Ringgit menjadi semakin lemah. Ini boleh mengakibatkan aliran keluar dana yang disusuli oleh kebaikan kadar faedah. Oleh yang demikian, didapati dasar kewangan masa kini adalah sesuai dan tidak perlu diperketatkan lagi. Ini adalah juga memandangkan semanjak bulan Januari tahun ini, pertumbuhan negatif bagi M1 (-9.9% dalam bulan Mei) sementara M3 telah menurun dengan ketara.

Dasar kewangan masa kini akan dipertahankan kerana sebarang pengetatan akan mengakibatkan kadar faedah meningkat lebih tinggi. Jika ini berlaku ianya boleh menyebabkan lebih banyak syarikat menggulung tikar. Walaupun penting untuk memastikan pertumbuhan kredit selari dengan kedudukan ekonomi makro, namun aktiviti-aktiviti produktif seharusnya terus menerima pembiayaan. Laluan kepada pembiayaan pinjaman adalah penting bagi sektor perniagaan untuk terus.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kepong bangun ya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:**.....menjanakan aktiviti ekonomi serta untuk mengelak kegagalan urusan akibat kekurangan sumber kewangan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalau boleh Yang Berhormat Padang Terap pun boleh jawab juga. Ini satu perkara yang penting mengenai kadar faedah. Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat. Saya bersetuju kita mesti dengan sedaya-upaya menjaga syarikat-syarikat korporat dan sebagainya supaya mereka tidak muflis tetapi apakah sebenar dasar faedah kerajaan sekarang, saya tidak nampak. Saya ada baca Pelan Pemulihan Ekonomi tetapi tidak nampak dasar faedah yang tegas yang boleh meyakinkan kita. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah dasarnya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tindakan telah diambil, kalau kita tengor SLR daripada 13% turun kepada 10% dan selepas itu turun kepada 8%. Dengan adanya SLR itu dilonggarkan, maka liquidity bank bertambah dan dengan cara ini ketatan daripada peminjam boleh kita atasi. Yang Berhormat, saya ada laporan MTEN di sini, selepas ini saya beri kepada Yang Berhormat. Ada tentang kadar faedah di sini, kalau

saya hendak bacakan nanti banyak masa terbuang kerana kita ada banyak lagi bill-bill yang hendak.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak payah baca, cuma dengan intipati apakah dasarnya sebab SLR itu bukan satu dasar yang sepenuhnya. Itu hanya untuk menambahkan liquidity – cairan sahaja.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Dia tidak mempunyai dasar, Yang Berhormat. Itu merupakan satu consequential. Kita kena lihat daripada dasar dari segi pentadbiran, jadi kalau kita dapat lihat dasar, dasar ialah satu pernyataan – INTEN, itu satu dasar dan consequential daripada itu kita selalu buat makro dan mikro dasar iaitu tatacara kita ataupun cara pentadbiran. Jadi, kita tidak ada dasar faedah tetapi kita ada consequential effect, yang saya sebutkan tadi ya.

Memandangkan kedudukan ekonomi semasa, kerajaan telah mengambil langkah-langkah tambahan untuk memastikan sektor produktif terutamanya industri berorientasikan eksport mendapat laluan pinjaman dengan kadar yang munasabah. Ini termasuk tambahan peruntukan kepada Tabung Industri Kecil dan Sederhana (RM1.5 bilion), kemudahan pembiayaan semula kredit eksport (RM3 bilion), kredit bagi pembekal, pembeli dan pelabur luar negeri (RM1 bilion) serta tabung untuk makanan (RM1 bilion). Dana ini akan didapati agensi-agensi luar seperti EXIM Bank Jepun sebanyak AS\$300 juta.

Buat masa ini nisbah pinjaman tak berbayar bersih sistem perbankan semakin meningkat, permodalan semula sistem perbankan diperlukan. Dianggarkan permodalan semula yang diperlukan adalah dalam lingkungan RM16 bilion bagi tempoh 1998 hingga 1999 agar sistem perbankan dapat membantu proses penstrukturan semula hutang korporat secara menyeluruh dan teratur bagi membantu mengurangkan masalah mudahtunai syarikat-syarikat yang berdayamaju. Objektif penubuhan ‘jentera khas’

adalah bagi menyegerakan penstrukturan semula hutang korporat untuk mencapai tujuan-tujuan berikut:

- (i) Mengurangkan kerugian kreditor, pemegang saham dan lain-lain pihak yang berkepentingan melalui penyelesaian hutang dengan cara bersepadu; dan
- (ii) Mengelakkan syarikat daripada menghadapi masalah mudah tunai dan seterusnya menjamin peluang pekerjaan serta kapasiti pengeluaran.

Bagi sistem perbankan, nisbah pinjaman tak berbayar bersih kepada jumlah pinjaman bersih telah meningkat dengan ketara kesan daripada krisis kewangan serantau sejak pertengahan kedua 1997. Nisbah pinjaman tak berbayar telah meningkat daripada 4.7% pada akhir tahun 1997 kepada 8.4% bagi bulan Mei 1998 kerana beberapa syarikat besar menghadapi masalah kewangan yang teruk. Justerus itu, penyusunan semula hutang adalah perlu bagi memperbaiki kedudukan mudah tunai perniagaan yang masih berdaya maju tetapi dibebani hutang besar.

Kadar kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kepong bangun lagi. hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:**.....dijangka akan meningkat daripada 6.8%.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun jawapan itu begitu pendek tetapi tidak menjawab mengenai pinjaman tak berbayar kerana walaupun disebutkan 8.4% NPL sekarang, adakah betul dianggarkan pada akhir tahun ini akan meningkat kepada 15% dan pada tahun depan akan meningkat kepada lebih 20%? Adakah ini benar? Walaupun Ahli Yang Berhormat Padang Terap beri jawapan tetapi bolehkah Yang Berhormat jawab dengan betul apakah keadaan yang sebenarnya mengenai NPL?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong ini menyoal dari segi assumption, saya pula menjawab dari segi fakta. Jadi, fakta yang diberikan oleh Bank Negara kepada saya sampai Mei 1998 ialah sebanyak 8.4%, ya? Dan kalau kita lihat kadar kemiskinan yang dijangka akan meningkat pada

6.8% pada tahun 1997 kepada 8.0% pada tahun 1998. Bilangan isirumah miskin dianggar akan meningkat daripada 346,000 kepada 414,700 dalam tempoh tersebut. Bagi rakyat termiskin, kadar kemiskinan dijangka turut meningkat daripada 1.4% pada tahun 1997 kepada 1.7% pada tahun 1998 dengan bilangan isirumah termiskin meningkat daripada 70,300 kepada 88,100.

Bagi mengurangkan kesan negatif kelembapan ekonomi ke atas golongan miskin, kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah perlindungan. Antaranya seperti berikut:-

- (i) mengekalkan peruntukan belanjawan asal untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Menyedari kemungkinan meningkatnya kadar kemiskinan, kerajaan telah juga memperuntukkan belanjawan tambahan kepada PPRT berjumlah RM100 juta daripada pinjaman Bank Dunia RM1 bilion;
- (ii) memperuntukkan RM200 juta daripada pinjaman Bank Dunia untuk menyediakan bantuan kredit mikro kepada penjaja dan peniaga kecil di kawasan bandar;
- (iii) melakukan pemotongan yang lebih kecil dalam Belanjawan tahun 1998 bagi kementerian-kementerian yang terlibat dalam menyediakan kemudahan keselamatan sosial seperti Kementerian Kesihatan, yang mana belanjawannya hanya dipotong sebanyak 12%. Langkah ini juga melibatkan kementerian-kementerian yang terlibat dalam pembangunan luar bandar dan pertanian di mana terdapat kebanyakan golongan miskin. Sebagai tambahan sebanyak RM200 juta daripada pinjaman Bank Dunia RM1 bilion diperuntukkan bagi kemudahan infrastruktur luar bandar; dan
- (iv) Memperuntukkan daripada tambahan peruntukan pembangunan sebanyak RM7 bilion bagi tahun 1998, RM300 juta untuk pembasmian kemiskinan, RM200 juta untuk pembangunan luar bandar dan RM350 juta untuk pembangunan pertanian.

Menjawab soalan Yang Berhormat dari Senai yang menyatakan mengenai banyak pekerja yang telah dibuang, ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat

bahawa bilangan komoditi pekerja yang diberhentikan dari Januari hingga 18 Julai 1998 ialah seramai 45,560 orang dan bagi tempoh Januari hingga Jun 1998 sejumlah 39,511 pekerja telah diberhentikan dan daripada jumlah ini 89.1% atau 35,199 orang adalah pekerja tempatan dan 38% atau 14,997 adalah pekerja wanita. Taburan mengikut negeri seperti berikut, yang banyak sekali ialah negeri Selangor 9,973 (24.7%), Wilayah Persekutuan 6,166 (15.6%) dan Pulau Pinang 5,791 (14.7%) dan 2,078 majikan terlibat dalam pemberhentian kerja ini.

Yang Berhormat telah pun menanyakan mengenai income-tax ataupun bayaran pampasan oleh majikan ini. Lembaga Hasil Dalam Negeri ingin menjelaskan kekeliruan yang timbul berhubung dengan bayaran pampasan pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja sebelum 1 Januari 1997. Seksyen 83(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 menghendaki setiap majikan yang akan berhenti daripada menggajikan individu yang boleh dikenakan cukai pendapatan memberi notis dalam tempoh satu bulan sebelum pekerja tersebut diberhentikan kerja.

Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengambil tindakan seterusnya untuk memungut cukai pendapatan pekerja tersebut daripada jumlah wang yang ditahan bagi majikan. Satu surat penyelesaian cukai akan dikeluarkan oleh pihak LHDN untuk tujuan ini. Mulai 1 Januari 1997, seksyen 83(3) Akta Cukai Pendapatan telah dipinda di mana majikan tidak perlu memberi notis pemberhentian pekerjaan sekiranya pendapatan pekerja yang akan diberhentikan itu adalah tertakluk kepada Potongan Cukai Bulanan (PCB) dan PCB ini dipatuhi oleh majikan atau jika saraan pekerja berkenaan adalah kurang daripada amaun pendapatan yang tertakluk kepada PCB. Majikan hanya perlu memberi notis pemberhentian pekerja sekiranya memberhentikan pekerja adalah kerana persaraan atau sekiranya pekerja tersebut meninggalkan Malaysia.

Di samping itu, pampasan kerana kehilangan pekerjaan dikecualikan daripada cukai pendapatan sebanyak RM4,000 untuk tiap-tiap tahun genap

perkhidmatan dengan majikan yang sama. Pihak majikan hanya dikehendaki membuat potongan cukai daripada baki bayaran pampasan setelah ditolak RM4,000 untuk tiap-tiap tahun genap perkhidmatan dengan majikan yang sama. Jadi bagi pengiraan potongan cukai daripada bayaran pampasan ini, formula yang digunakan ialah formula yang sama untuk bonus dan bayaran yang diterima sekaligus. Jadi, kebelakangan ini LHDN telah menerima banyak permohonan daripada majikan yang meminta LHDN mengeluarkan satu penyelesaian cukai iaitu surat penyelesaian cukai bagi pekerja-pekerja yang akan diberhentikan kerja sebelum majikan membayar pampasan.

Bagi kes-kes begini, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan menyemak kedudukan cukai dan sekiranya didapati pekerja tersebut mempunyai tanggungan cukai, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan tanggung tanggungan arahan kepada majikan untuk menahan sejumlah wang bagi menjelaskan tanggungan cukai tersebut. Perkara ini boleh dielakkan sekiranya majikan mengetahui dan mematuhi seksyen 83(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana majikan cuma memotong daripada baki bayaran pampasan yang boleh dikenakan cukai pendapatan menurut Arahan Potongan Cukai Yang Berjadual.

Mengenai 'impact study' yang buat di Kotaraya Kuala Lumpur, saya rasakan soalan Yang Berhormat ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi dan saya tidak mahu mengulang jawapan itu.

Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan mengenai beberapa isu KTM Komuter yang telah dibekalkan oleh 3 buah negara yang berbeza iaitu Jepun, Afrika Selatan dan Austria. Apakah rasional mendapatkan dari 3 negara tersebut? Perbekalan bagi KTM Komuter sebenarnya dari 2 buah negara sahaja iaitu dari Jepun dan Afrika Selatan. Pembelian ini adalah berdasarkan kepada 'open tender'

di mana tawaran bagi kedua-dua negara ini telah menepati dari segi spesifikasi teknikal, harga, cadangan pembiayaan dan tempoh penghantarannya. Secara rasionalnya, dengan adanya pembekalan dari kedua-dua negara tersebut pemindahan teknologi kepada rakyat dan syarikat tempatan akan dilaksanakan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa jawapan daripada Kementerian Pengangkutan ialah daripada 3 negara termasuk Austria, itu 3 negara dan 22 sets train itu dari Austria. Jangan kita kata 2, ini jawapan daripada Kementerian Pengangkutan dan yang keduanya walaupun kita hendak pemindahan teknologi, itu satu perkara yang baik. Walau bagaimanapun, saya tidak nampak apa-apa pemindahan teknologi ini. Cuma saya nampak kesulitan untuk mendapat alat ganti untuk penyelenggaraan – itulah masalah yang utama sekarang.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Yang Berhormat pernah pergi Sentul ya, di situ worksyop kereta api dan di situ banyak pemindahan teknologi yang dibuat untuk membaiki kerosakan-kerosakan dan pekerja-pekerja kita belajar daripada pekerja-pekerja luar negara yang membekalkan KTM Komuter ini dan ini jawapan daripada Kementerian Pengangkutan, Yang Berhormat mengatakan 2 buah negara sahaja iaitu Jepun dan Afrika Selatan. Jadi, kalau Yang Berhormat salah anggap, saya tidak tahulah – ini sah ya, sah.

Bagaimana kerajaan mendapatkan dana dari bon global – seperti Yang Berhormat tanyakan. Pertamanya selaras dengan seksyen 21 – Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 – Menteri Kewangan telah bersetuju untuk memperolehi pinjaman luar negeri sejumlah tidak melebihi US\$2 bilion ataupun RM8 bilion. Melalui

terbitan bon global untuk keperluan operasi syarikat Danaharta. Sebelum terbitan bon global dapat dilancarkan, kerajaan perlu memenuhi syarat-syarat yang berikut:-

- (i) kelulusan Menteri Kewangan di bawah seksyen 21 – Akta Pinjaman Luar Negeri 1963;
- (ii) perolehan penarafan kredit daripada syarikat-syarikat penarafan antarabangsa iaitu ‘Standard and Poor’ dan ‘Moody’s’ dapat penarafan baru;
- (iii) penyediaan dan pendaftaran prospectus registration statement dengan US Securities Commission.

Dan syarat (i) dan (ii) telah pun diperolehi oleh kerajaan. Setakat ini kerajaan belum lagi menerbitkan apa-apa bon untuk tujuan pembiayaan operasi Danaharta.

Oleh yang demikian, kadar faedah yang terlibat belum dapat ditetapkan bagi bon itu. Bagaimanapun, kadar faedah adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) keadaan dan suasana pasaran modal antarabangsa pada waktu bon itu dilancarkan;
- (ii) kadar semasa Bil Perbendaharaan Amerika Syarikat (US Treasury Bill) serta spread kepada Malaysia semasa bon dilancarkan. Keadaan kadar faedah masa kini bon 10 tahun bilangan Perbendaharaan Amerika Syarikat ialah 5.46% dan spread semasa bon Malaysia – kerajaan, Tenaga Telekom dan Petronas ialah antara 350-450 nota asas (basis point);
- (iii) mengenai saiz terbitan; dan

- (iv) mengenai keyakinan pasaran antarabangsa terhadap Malaysia dan penerbit-penerbit bon di rantau Asia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tidak akan mengambil masa lagi, cuma, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah pun berikhtiar untuk menjawab – syabaslah kepadanya sebab ada buat kerja. Walau bagaimanapun, ini bukan masalah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan masalah seperti ‘Moody’s Investors Servicing Incorporated’ yang meletakkan ‘rating’ kepada Bank-Bank Negara dan ‘rating’ itu sudah pun diturunkan 2-3 tingkat dan dengan itu adakah pihak kerajaan masih hendak meneruskan dengan bon ini ataupun hendak menunggu sampai keadaan yang lebih sesuai?

Sebab ini saya pun tidak setuju dengan ‘Moody’s Investors Servicing Incorporated’ kerana tidak memberi gambaran yang baik bagi Bank-Bank Negara tetapi itu saya tidak boleh buat apa-apa, itu hal agensi antarabangsa. Walau bagaimanapun, dengan keadaan yang sedemikian apakah kerajaan boleh buat mengenai bon ini? Saya pun berharap bon ini dapat dijayakan tetapi nampaknya sekarang ada kebuntuan sedikit.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi, kita ada 4 faktor – faktor keadaan dan suasana pasaran, kadar semasa Bil Perbendaharaan Amerika Syarikat, saiz terbitan, keyakinan pasaran antarabangsa dan kita akan mengkaji keempat-empat faktor ini dan kemudian itu barulah saya beritahu Yang Berhormat sama ada kita akan menjualkan bon atau tidak.

Mengenai – kalau tidak silap saya NPL – Yang Berhormat telah pun membangkitkan mengenai NPL. Sekarang, seperti mana yang saya jawab hari itu kita mengatakan bahawa Danaharta sedang berbincang dengan bank dan tidak tahu NPL berapa? Jadi, Yang Berhormat kata macam mana tidak tahu NPL berapa? Kerana sebelum itu kita sudah jawab, apa yang saya maksudkan tidak tahu NPL itu berapa ialah berapa Danaharta akan mengambil NPL daripada satu-satu institusi dan berapa pula yang tidak akan diambil. Kadang-kadang kalau misalnya Danaharta hendak mengambil satu-satu NPL itu tetapi kalau misalnya bank berkenaan memerhatikan bahawa NPL itu mempunyai potensi, dia tidak akan memberi NPL itu kepada Danaharta dan begitulah visi besar sebaliknya. Jadi Yang Berhormat, itulah sahaja jawapan saya dan Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-  
buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

**4.40 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Saya memohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM400,000,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1998 bagi Maksud B.29 untuk kementerian yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) Tahun 1998 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.28, P.47, P.48 hingga P.50 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas perintah 19 Tahun 1998 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Mengurus Tahun 1998 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1998 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A Tahun 1998 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1998 dan Kertas Perintah 19A Tahun 1998 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1998. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**  
Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1)1998]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1998 di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil 1) 1998.

**Maksud B.29 [Jadual]-****Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)1998]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM400,000,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM400,000,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM915,900,600 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM915,900,600 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1) 1998.

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1) 1998] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

**4.45 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, masalah Sistem Transit Aliran Ringan (STAR) di bawah Projek LRT Sistem 1 Fasa 2.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit sebanyak mengenai Sistem 1 LRT yang dikendalikan oleh STAR, bilakah perkhidmatan Fasa 1 ini dapat dilaksanakan sepenuhnya? Sebab saya difahamkan bahawa pelaksanaan sekarang hanya sampai 9% sahaja dan Fasa 2 pun telah bermula, pada tahun yang lepas jumlah bilangan penumpang telah meningkat kepada 16 juta orang. Apakah anggaran pihak Kementerian Pengangkutan untuk tahun ini dengan bilangan yang akan meningkat?

Tuan Pengerusi, dengan tambahan sebanyak lebih RM100 juta ini, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab bilakah Fasa 2 akan disiapkan dan adakah ini akan disiapkan sebelum Sukom? Nampaknya kerja itu tidak sempat disiapkan untuk Fasa 2 sebelum Sukom. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat menerangkan amaun yang akan dibayar kepada STAR pada akhir tahun ini dan jumlah yang akan dibayarnya untuk semua? Sekian, terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Syarikat STAR telah diberi kelulusan untuk melaksanakan LRT Sistem 1 Fasa 2 iaitu laluan Ampang ke Kompleks Sukan Bukit Jalil dan Sentul sepanjang 15 kilometer. Projek Sistem 1 ini adalah merupakan sistem-sistem automated yang menggunakan teknologi AEG.

Projek LRT Sistem 1 Fasa 1 dan Fasa 2 yang dilaksanakan berdasarkan konsep Bill Operator Own (BOO) Syarikat STAR adalah dipertanggungjawabkan untuk membiayai sepenuhnya projek ini dan kos pembinaan dan pembelian

peralatan dianggarkan akan menelan perbelanjaan berjumlah RM1,819 juta ataupun RM121 juta sekilometer laluan.

Memandangkan keperluan kewangan bagi projek ini adalah besar, Syarikat STAR telah diluluskan bantuan kewangan daripada kerajaan seperti berikut:-

- Sistem 1 Fasa 1 – pinjaman mudah sebanyak RM150 juta, kos pengambilan balik tanah – tiada
- Sistem 1 Fasa 2 – pinjaman mudah sebanyak RM550 juta, standby loan berjumlah RM50 juta dan kos pengambilan tanah berjumlah RM40 juta.

Jadi, bagi pinjaman mudah untuk Sistem 1 Fasa 2 berjumlah RM550 juta yang ditandatangani oleh kerajaan pada 14 Julai 1998. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM101,800,000 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM101,800,000 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1)1998.

**Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1)1998] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

**4.48 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, P.48 Program Membantu Golongan Miskin Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Tuan Pengerusi, pada tahun yang lepas AIM sudah mendapat peruntukan sebanyak RM200 juta untuk program-program membantu orang miskin. Saya hendak mengetahui daripada kementerian sama ada AIM ini peruntukannya telah dipotong kerana dasar kerajaan untuk memotong 20% daripada perbelanjaan dan adakah program ini dipotongkan perbelanjaannya? Pada pendapat saya kita tidak seharusnya memotong perbelanjaan seumpama ini kerana kita perlu menjaga orang-orang miskin terutamanya semasa kegawatan ekonomi. Kalau kita bandingkan dengan perbelanjaan yang diperuntukkan semasa Rancangan Malaysia Keenam, ini memang sudah meningkat daripada RM20 juta kepada RM200 juta, ini memang satu perbuatan yang betul dan bolehkah Yang Berhormat terangkan sama ada perbelanjaan ini akan dipotong dan bolehkah Yang Berhormat terangkan di dalam program-program untuk membasmi kemiskinan ini, berapakah jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada rakyat yang termiskin? Sebab pada tahun yang lepas mungkin RM187 juta sudah pun diperuntukkan diberikan secara pinjaman kepada rakyat termiskin. Walau bagaimanapun, setakat tahun ini saya tidak nampak ada kenyataan mengenai jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada rakyat yang termiskin ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat mana program-program pinjaman yang dihulurkan kepada rakyat termiskin ini dapat dijayakan dan peratusan yang dapat dibayar balik kerana pinjaman perlu dibayar balik dan kalau setakat memberi pinjaman yang tidak berbayar maka rancangan AIM akan gagal. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Pengerusi, kerajaan tidak memotong apa-apa peruntukan yang telah

diluluskan dalam perjanjian ini. Selain daripada itu, RM100 juta ini ditambahkan untuk rakyat termiskin di kawasan luar bandar.

Bagi menjawab soalan berkaitan dengan berapa peratus atau berapa ribu yang telah dibelanjakan kepada rakyat, telah diberitahu bahawa sehingga sekarang lebih kurang RM98 juta telah dibelanjakan di luar bandar di bawah program pembasmian kemiskinan dan 50,000 keluarga termiskin telah mendapat faedah melalui pinjaman-pinjaman yang telah diberi. Pinjaman-pinjaman yang telah diberi ada tiga bidang iaitu:

- (i) Untuk meninggikan taraf ekonomi.
- (ii) Baik pulih rumah.
- (iii) Pinjaman pendidikan.

Untuk meninggikan taraf ekonomi kita akan memberi secara kumpulan, lima orang, tiap-tiap seorang akan diberi RM1,000 dan lima orang akan menjadi satu pasukan dengan adanya modal RM5,000 itu mereka akan menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi.

Yang kedua, untuk baik pulih rumah kita akan memberi RM5,000. Bagi pendidikan, tidak ada had iaitu mengikut permintaan ataupun kehendak satu-satu keluarga itu. Bagi pinjaman pembayaran balik, saya diberitahu bahawa 90% hingga 95% peminjam itu telah memulangkan pinjaman kepada AIM ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM100,000,000 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM100,000,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1) 1998.

**Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1998] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM252,345,000 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM252,345,000 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1998.

**Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1998]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin];** Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas. Kepong.

**4.51 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, semasa kegawatan ekonomi memang perkara P.50 itu sangat penting kerana dengan peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta ini adalah satu perkara yang perlu dibuat. Saya pun tidak tahu jumlah di dalam Tabung Usahawan Kecil ini untuk penjaja dan peniaga kecil.

Tuan Pengerusi, di dalam negara ini terdapat lebih kurang 200,000 penjaja dan peniaga kecil. Mereka memainkan peranan yang penting untuk ekonomi negara walaupun peratusannya tidak begitu besar tetapi orang-orang yang dapat manfaat adalah sangat besar terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, memang di dalam rancangan pemulihan ekonomi pun ada peruntukan sehingga RM200 juta untuk penjaja dan peniaga kecil. Saya setuju dengan peruntukan seumpama ini. Cuma ada beberapa perkara yang seringkali menimbulkan masalah, misalnya mengenai kelulusan lesen, yang hendak menjadi penjaja itu memang ramai dan kita mesti ada kawalan yang ketat supaya bilangan penjaja itu tidak ramai sangat sehingga menjejaskan bidang penjaja sehingga ekonomi tidak begitu baik untuk mereka sebab itulah kelulusan kawalan untuk lesen itu penting. Sebab di Kuala Lumpur misalnya, ataupun Petaling Jaya bilangan penjaja yang tidak mempunyai lesen pun ramai, beribu-ribu penjaja yang tidak mempunyai lesen dan saya setuju bahawa mustahillah bagi pihak berkuasa tempatan untuk meluluskan lesen bagi semuanya. Cuma saya hendak menekankan begitu perlunya kita memastikan hanya yang layak dapat lesen dan inilah seringkali saya menerima aduan, mungkin ada sesetengah aduan itu palsu ataupun tidak berasas.

Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kementerian dapat mengatur kriteria dan pelaksanaan yang lebih berkesan untuk memastikan aduan mengenai kelulusan lesen ini boleh dikurangkan. Ada aduan juga mengenai pemegang lesen penjaja ini yang diberi kepada pendatang-pendatang. Ini memang satu perkara yang dilakukan beberapa tahun kebelakangan ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan lesen yang dikeluarkan kepada pendatang-pendatang kerana itu tidak munasabah. Orang kita sendiri tidak dapat lesen dan pendatang-pendatang asing dapat lesen. Ini memang satu perkara yang mesti diatasi oleh pihak kementerian dan saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semula

garis panduan untuk penguatkuasaan terhadap penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil sebab pada pendapat saya garis panduan yang ada sekarang mungkin tidak ketat sehingga penguatkuasaan tidak begitu berkesan.

Saya mengucapkan syabas kepada pihak pengurusan penjaja dan peniaga kecil kerana pada dua minggu yang lepas ada juga mengambil tindakan terhadap kedai yang dibuka 24 jam dan penjaja-penjaja berniaga sehingga larut malam sehingga menjejaskan ketenteraman pada penduduk di sekitar Kepong Baru, Taman Kepong dan setelah mereka berniaga lima atau enam bulan baru sahaja tindakan diambil tetapi ada tindakan yang tegas yang memang saya ucapkan syabas di sini kepada pihak yang mengambil tindakan. Itu satu kes, tetapi ada kes-kes yang lain yang saya nampak tidak begitu tegas.

Cuba kita bayangkan di seluruh kawasan termasuk di Kuala Lumpur, kawasan-kawasan lapang, kawasan-kawasan hijau kadangkala kita nampak ada penjaja. Penjaja itu memang mencari peluang tempat-tempat yang dianggap paling sesuai, paling strategik. Tempat-tempat yang paling strategik ini kadangkala di tengah jalan lalu lintas dan juga kawasan hijau dan sebagainya, tidak sesuai untuk penjaja. Kalau boleh kita pergi ke kawasan-kawasan termasuk kawasan Kepong, kita boleh mengenal pasti, bagaimana kawasan ini boleh menjadi kawasan penjaja? Ini bermakna sama ada kawalan penguatkuasaan itu tidak begitu berkesan ataupun ada perkara-perkara yang lain. Sering kali disebut ada rasuah tetapi saya tidak ada bukti. Cuma tiba-tiba kita nampak ada penjaja-penjaja di kawasan yang tidak sesuai baginya. Tidak sesuai dari segi kawasan hijau dan sebagainya.

Sebab itulah saya berharap garis panduan untuk penjaja-penjaja ini dapat dikaji dan diketatkan lagi supaya pihak penguatkuasa dapat menguatkuasa dengan lebih berkesan. Dan juga Tuan Pengerusi, saya nampak ada di dalam majlis untuk kerajaan, majlis kerajaan tempatan nasional, National Council Local Government (NCLG), sudah mengadakan mesyuarat-mesyuarat dan diumumkan bahawa satu

keputusan sudah dibuat supaya penjaja dan peniaga di negara ini mengikut dasar nasional.

Apakah dasar nasional, Tuan Pengerusi? Saya pun bingung juga, tiba-tiba ada dikeluarkan dasar nasional untuk penjaja dan peniaga kecil. Apakah dasar ini? Saya tidak pernah tahu apakah dasar nasional ini. Dan sebelum saya mengakhiri ucapan ini, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan sudah mengumumkan bahawa pada 23 Februari tahun ini peruntukan RM40 juta untuk penjaja dan peniaga kecil. Mungkin inilah yang sedang kita bincangkan, apa yang diumumkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah peruntukan digunakan kerana di dalam Kertas Perintah 19A ini Maksud P.50 tidak ada butiran cuma sebagai pinjaman modal bagi penjaja dan peniaga kecil sahaja.

Dan saya berharap pihak Yang Berhormat dapat menerangkan sedikit sebanyak apakah yang dimaksudkan sebagai peruntukan RM40 juta yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri yang telah saya sebutkan tadi. Tuan Pengerusi, memang saya mendapati bahawa pihak kementerian pun mempunyai banyak skim kewangan untuk diberi kepada penjaja dan peniaga. Bolehkah Yang Berhormat terangkan sekali lagi apakah skim-skim yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu supaya semua penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara dapat mengetahui. Mereka boleh mendapat bantuan daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bn Mohamed]:**  
Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah bersetuju dengan kementerian, pendapat kerajaan iaitu pentingnya peranan-peranan peniaga kecil dalam membangunkan negara. Memahami peranan peniaga kecil ini dalam pembangunan negara, sebab itulah kerajaan telah memperuntukkan

sebanyak RM50 juta dan bukannya RM40 juta Yang Berhormat. Untuk satu tabung yang diberi nama Tabung Usahawan Kecil (TUK).

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak minta jalankah Kepong? Hendak minta jalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya bukan sebut peruntukan yang diminta hari ini, sebab pada 24 Februari tahun ini Yang Berhormat Menteri juga ada mengumumkan peruntukan RM40 juta untuk membantu penjaja dan peniaga kecil di negara ini, tetapi ini mungkin tidak termasuk di dalam peruntukan ini.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ada dua stage untuk perbekalan ini RM50 juta tetapi yang sudah sedia ada RM40 juta mungkin itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Walau bagaimanapun, di bawah Peruntukan Tambahan ini memang RM50 juta dan peruntukan itu ialah untuk Tabung Usahawan Kecil yang memberi pinjaman RM1 ribu hingga RM20 ribu. RM1 ribu hingga RM20 ribu kepada penjaja kecil dan ia merupakan satu alternatif pinjaman yang diwujudkan oleh kementerian untuk membantu peniaga-peniaga kecil. Dan oleh kerana kita lihat sekarang ini memang ada masalah dengan bank-bank sebab itulah kita pastikan yang permohonan ini diproseskan oleh CGC. Kerana CGC memberi jaminan keseluruhannya kepada pinjaman yang telah/akan dikeluarkan itu. Selepas diproses oleh CGC ianya akan dihantar ke bank untuk mendapat kelulusan seterusnya dan borangnya hanya dalam satu helai kertas sahaja, gunakan belakang depan sahaja, untuk memudahkan penjaja kecil. Sebab penjaja kecil ini bukan semuanya keluar universiti, walaupun ada penjaja kecil kelulusan universiti, Yang Berhormat.

Seterusnya saya juga sukacita menyatakan bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penjaja kecil.

Sebab itulah dari masa ke semasa pihak kementerian berbincang dengan persatuan mereka, kita melihat masalah-masalah mereka. Tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang penguatkuasaan, tentang kawasan penjajaan mereka, ini sebenarnya ialah di bawah kuasa majlis perbandaran ataupun DBKL dan bukannya di bawah kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan supaya usahawan-usahawan dan penjaja-penjaja kecil ini kita kategorikan mereka di bawah terminologi usahawan kecil. Kita sentiasa berbincang dengan mereka, kita memberi latihan-latihan kepada mereka, sebab itu di bawah konsep ini kita juga memberi pinjaman kepada mereka supaya mereka tidaklah kesusahan berseorangan.

Dan di samping TUK ini, dengan peruntukan RM50 juta itu, kementerian juga ada skim seperti Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil yang memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan di antara RM10 ribu hingga RM50 ribu. Dan ini juga diproseskan oleh CGC buat masa kini. Dan antara tabung-tabung yang lain itu ialah Tekun, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan juga Tabung Pinjaman Peniaga dan Penjaja Kecil (TPPPK) sendiri. Yang lain-lainnya ialah skim pinjaman khas persatuan dan skim pembiayaan francais untuk penjaja-penjaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM50,000,000 untuk Maksud P.50 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM50,000,000 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1998.

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

hendaklah disetujui.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

## **RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1998**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat telah mengumumkan penubuhan sebuah badan dalam usaha memulihkan ekonomi negara. Badan tersebut yang akan dikenali sebagai Danaharta akan ditubuhkan di bawah satu Undang-undang Persekutuan bernama Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, 1998. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad adalah merupakan sebuah Perbadanan yang akan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan objektif utamanya untuk menjalankan perniagaan sebagai sebuah syarikat pengurusan aset dan untuk memperolehi, mengurus, membiayai dan melupuskan aset dan tanggungan.

Pada 14 Julai 1998 yang lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah membentangkan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta

Nasional Berhad dalam Dewan yang mulia ini. Rang Undang-undang Danaharta Nasional Berhad tersebut di antara lain akan memberi kuasa kepada Danaharta sendiri dan syarikat-syarikat subsidiarinya untuk mengambil alih, mengurus, dan melupus hartanah yang telah digadai kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang menghadapi masalah terutama dari segi pembayaran balik untuk mempercepatkan urusan-urusan berkaitan dengan tanah, Danaharta perlulah diberi keutamaan dan keistimewaan dari segi pemerosesan urusan tanah. Oleh itu, pengubahsuaian perundangan tanah perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Senarai Kedua Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa berhubung dengan tanah hendaklah dibawah bidang kuasa Kerajaan-Kerajaan Negeri. Justeru itu, untuk menyelaraskan perundangan dan pentadbiran tanah dengan Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, beberapa pengubahsuaian kepada Kanun Tanah Negara perlu diadakan. Pengubahsuaian ini tidak boleh dibuat dalam Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad itu sendiri kerana sebuah Undang-undang Persekutuan tidak boleh menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali di bawah Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 76(4) tersebut memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat Undang-undang mengenai tanah untuk negeri-negeri bagi maksud keseragaman Undang-undang dan dasar.

Kebanyakan urusan Danaharta akan melibatkan urus niaga tanah-tanah milik kerana tanah-tanah tersebut telah digunakan untuk mendapatkan urusan pinjaman daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan melalui urusan-urusan seperti gadaian di bawah Kanun Tanah Negara dan lien.

Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad membolehkan Danaharta mengambil alih tanggungan-tanggungan tersebut bukan secara proses pindah milik yang biasa tetapi melalui perletakhakkan statutori atau statutory vesting, dengan izin. Seterusnya, Danaharta akan menguruskan hartanah tersebut dan memindahkannya pula kepada pihak-pihak yang lain secara perletakhakkan.

Kanun Tanah Negara perlu diubahsuai khas bagi mempermudah Danaharta mencapai objektifnya. Untuk mencapai tujuan tersebut di atas Kanun Tanah Negara perlu dipinda untuk mengadakan beberapa peruntukan seperti berikut:

- (i) bahagian baru iaitu Bahagian Satu (B) akan diwujudkan. Bahagian ini memperuntukkan bahawa Kanun Tanah Negara boleh diubahsuai

untuk memudahkan pelaksanaan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad;

- (ii) pengubahsuaian tersebut di atas akan dimasukkan dalam satu jadual baru iaitu Jadual Kelima Belas; dan
- (iii) Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan persetujuan Majlis Tanah Negara boleh meminda Jadual Kelima Belas jika difikirkan perlu dan wajar, dan hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan*.

Jadual Kelima Belas mempunyai peruntukan-peruntukan yang memberi kemudahan dan kelonggaran seperti berikut:

- (i) pindah milik tanah dan kepentingan ke atasnya daripada penjual kepada Danaharta dibolehkan dibuat melalui perakuan-perakuan perletakhakan atau vesting certificate yang akan dikeluarkan oleh Danaharta. Perakuan perletakhakan adalah keterangan muktamad perletakhakan tanah tersebut dan berkuatkuasa pada tarikh perakuan. Pendaftar Tanah akan terus mendaftar perletakhakan mengikut Jadual Kelima Belas Kanun Tanah Negara;
- (ii) mengikut keadaan biasa kaveat pemegang lien; kaveat persendirian dan perintah larangan tidak boleh dipindah milik. Walau bagaimanapun, dengan adanya pindaan baru ini, setelah diperletakhakan larangan tersebut boleh dipindahkan kepada Danaharta dengan menggunakan borang 1(B)A dalam Jadual Kelima Belas. Danaharta akan mengambil alih kepentingan pihak penjual ke atas tanah tersebut, manakala hak dan kepentingan pihak ketiga ke atas tanah itu tidak terjejas;
- (iii) Danaharta sebagai pemegang gadaian diberi pilihan remedies bagi penjualan selain daripada penjualan hartanah cara lelong awam, boleh menjualnya secara treaty persendirian atau private treaty, dengan izin. Walau bagaimanapun, apabila Danaharta mendapat faedah lien melalui peletakhakan dan kaveat pemegang lien dipindah kepadanya maka perlulah ia terdahulu memperolehi perintah tuntutan hutang sebelum diberi pilihan remedies bagi penjualan. Untuk menjaga kepentingan penggadai sebelum penjualan secara perjanjian persendirian dilaksanakan, pihak penggadai akan diberi notis untuk

menyelesaikan hutangnya dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis. Penggadai juga diberi peluang untuk menebus tanahnya sebelum treaty persendirian antara Danaharta dan pembeli ditandatangani. Penjualan secara perjanjian persendirian akan disempurnakan dengan pengeluaran perakuan penjualan secara perjanjian persendirian dan Pendaftar Tanah akan terus mendaftar tanah atas nama pemilik baru;

- (iv) Danaharta juga boleh menerima faedah ke atas tanah di bawah mana-mana surat kuasa wakil atau power of attorney, dengan izin; dan
- (v) Danaharta diberi kuasa untuk memindah milik tanah dan kepentingan ke atasnya kepada mana-mana pemeroleh atau acquiree dengan izin, secara perakuan perletakhakkan atau transfer certificate, dengan izin. Pindah milik seterusnya akan tertakluk kepada cara yang biasa di bawah Kanun Tanah Negara.

Namun demikian, sekatan-sekatan perundangan ke atas pemilikan tanah-tanah tertentu seperti tanah Rizab Melayu, pegangan Melayu dan tanah Adat akan terus dipatuhi. Urusan ke atas tanah-tanah sedemikian akan dikendalikan melalui dan selaras dengan Undang-undang tanah Rizab Melayu dan tanah Adat negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan pindaan kepada Kanun Tanah Negara serta pengwujudan Jadual Kelima Belas akan mengelakkan kemungkinan berlakunya percanggahan di antara kehendak Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dengan Kanun Tanah Negara. Peruntukan-peruntukan khas yang baru dalam Kanun Tanah Negara akan membolehkan Danaharta mengambil alih, mengurus dan memindah milik tanah dan kepentingan ke atasnya dengan cepat, cekap dan berhemah, dan seterusnya membantu memulihkan semula ekonomi negara kita.

Pemberian kuasa kepada Menteri untuk meminda Jadual dengan persetujuan Majlis Tanah Negara akan membolehkan pengubahsuaian dibuat mengikut keperluan dari masa ke semasa dan pengumpulan pindaan-pindaan ini dalam satu jadual baru iaitu Jadual Kelima Belas akan membolehkannya dipinda berasingan atau dimansuhkan apabila keperluannya tidak lagi wujud kelak tanpa menjejaskan bahagian-bahagian yang lain dalam Kanun Tanah Negara.

Untuk makluman Ahli-Ahli-ahli Yang Berhormat undang-undang ini hanya terpakai di negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi memudahkan Danaharta beroperasi di Sabah dan Sarawak, kerajaan berhasrat untuk mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk

mengambil tindakan bagi menyesuaikan Ordinan Tanah Sabah dan Kanun Tanah Sarawak seperti diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong Karang.

**5.33 ptg.**

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk sama-sama memberikan pandangan kepada pindaan Akta Kanun Tanah Negara. Terutama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah mengambil satu tindakan yang begitu bijak dengan meminda Kanun Tanah Negara ini supaya ia bersesuaian dengan kehendak-kehendak Danaharta Nasional Berhad. Saya percaya Kanun Tanah Negara ini dipinda untuk mempercepatkan proses-proses pemindahan agar Kanun Tanah Negara ini seperti gadaian, 'lien' dan juga pindah milik supaya ianya tidak terhalang oleh kerana undang-undang dalam Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita menghadapi kegawatan ekonomi ini, sudah tentu kita inginkan setiap proses permohonan yang dibuat oleh pihak kerajaan harus dipercepatkan untuk kita sama-sama membantu menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi. Baru-baru ini kita dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara juga telah meminta pegawai-pegawai kerajaan supaya menyegerakan semua permohonan yang dikemukakan oleh rakyat dan hendaklah

dikurangkan birokrasi peraturan-peraturan ataupun red tape yang boleh melengahkan sesuatu permohonan.

Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa tidak semua permohonan yang kita ajukan kepada pihak kerajaan ini boleh diproses dengan begitu cepat seperti permohonan-permohonan yang tertakluk di bawah Kanun Tanah Negara kerana mengikut Kanun Tanah Negara kalau satu-satu permohonan tidak mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan, tidak mengikut instrument-instrument yang telah ditetapkan maka segala proses-proses tersebut boleh dianggap tidak sah sebab itu dalam Kanun Tanah Negara ini kita lihat berbagai-bagai instrument telah dikenalkan berbagai-bagai borang yang terpaksa kita patuhi dan kita ikut supaya memastikan bahawa segala pindah milik segala cagaran dan juga urusan-urusan yang berkaitan dengan Kanun Tanah Negara ini sah daripada segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada petang ini ingin juga mengambil kesempatan untuk menyentuh beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat di akar umbi. Kita tidak mahu dituduh sebagai sebuah kerajaan yang hanya menitikberatkan masalah-masalah besar sahaja seperti kita meminda Kanun Tanah Negara ini untuk memenuhi kehendak-kehendak Danaharta Nasional Berhad kerana sudah tentu kalau masalah-masalah rakyat di akar umbi yang juga inginkan permohonan-permohonan mereka ini dipercepatkan tidak kita ambil kira, kita khuatir nanti mereka menganggap bahawa kerajaan tidak mengambil tahu masalah-masalah rakyat di akar umbi.

Yang pertama, saya ingin menyentuh mengenai proses permohonan tanah wakaf seperti mana yang dinyatakan tadi walaupun dalam .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa janganlah sentuh di luar sangat dengan kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 36(1) hanya perkara yang disebutkan dalam Bil atau rang undang-undang sahaja yang boleh diucapkan,

dibahaskan. Ini di luar sangat, jauh sangat, wakaf tidak bersangkutan dengan perkara ini.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak sentuh mengenai tanah Rizab Melayu. Tuan Yang di-Pertua, tanah Rizab Melayu yang tadi telahpun disentuh yang akan dipatuhi oleh pindaan akta ini kerana kita dapati tanah Rizab Melayu ini ada peraturan-peraturan tertentu yang harus dipatuhi, saya ingin menyentuh kalau tanah Rizab Melayu ini hendak diwakafkan, sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kita dapati hari ini tanah Rizab Melayu kalau kita hendak wakafkan tidak boleh hanya mengisi Borang 14(A), itu borang pindah milik kerana sesiapa yang ingin mewakafkan tanah Rizab Melayu ini ia kena diwakafkan kepada sesuatu Majlis Agama, maka tanah Rizab Melayu ini kena diserahkan kepada pihak kerajaan. Ia tidak boleh diserahkan dengan mengisi Borang 14(A). Tanah ini diserahkan semula kepada pihak kerajaan dan selepas tanah ini diserahkan kepada pihak kerajaan barulah pihak Majlis Agama Islam boleh memohon tanah tersebut daripada pihak kerajaan negeri. Jadi ini sudah tentu mengambil masa yang panjang, kerana permohonan ini kena masuk melalui Pejabat Tanah Daerah, kepada PTG dan seterusnya kepada Exco.

Apa yang saya ingin cadangkan di sini, ialah proses-proses yang memberikan kepentingan untuk orang ramai seperti tanah wakaf ini, yang hendak diwakaf ini untuk membuat masjid, untuk membuat sekolah atau boleh membuat surau. Tidak boleh kita bangunkan dengan segera kerana selagi tanah ini tidak dipindahmilikkan kepada pihak Majlis Agama Islam maka pihak-pihak tertentu tidak berani untuk membangunkan tanah ini. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat memikirkan supaya dapat meringkaskan proses pemilihan tanah wakaf tanah Rizab Melayu ini supaya ianya dapat segera dibangunkan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]:** Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, minta penjelasan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Cuma tadi bila Yang Berhormat menyentuh tentang tanah Rizab Melayu ini, mungkin Danaharta ini apabila tanah-tanah Simpanan Melayu ini kita serah kepada Danaharta ini adakah tanah ini boleh dipindah milik ataupun Danaharta boleh memindah milik pula tanah ini ataupun membuka syarat daripada Simpanan Melayu kepada tanah terbuka atau freehold ataupun leasehold dan sebagainya, kerana Yang Berhormat pu sedar bahawa masih banyak kerajaan negeri yang sehingga kini belum lagi mengganti tanah-tanah Simpanan Melayu yang telah kita buka. Jadi, adakah Yang Berhormat juga ingin mencadang hendak bertanya sama ada setakat hari ini berapa banyakkah tanah-tanah Simpanan Melayu yang telah dibuka dan tidak dikembalikan status ataupun digantikan dengan tanah lain? Ada apa-apa pandangan Yang Berhormat, setuju tidak?

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat dari Yan. Berapa banyak tanah Rizab Melayu yang belum diganti ini saya ingat Menteri kena jawab sebab saya sendiri tidak tahu berapa banyak tetapi memang kita dapat rungutan bahawa kebanyakan tanah-tanah Rizab Melayu ini apabila ditukarkan kepada syarat-syarat yang lain, kebanyakan tanah-tanah Rizab Melayu ini masih belum lagi diganti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pembangunan satu-satu projek. Saya ingin menyentuh di mana hari ini kita meminda Kanun Tanah Negara ini untuk mempercepatkan proses tetapi hari ini anun Tanah Negara sendiri masih lagi mempunyai proses-proses yang agak sukar. Sebagai contoh, kita dapati ada kadang-kadang rakyat, macam di tempat saya, rakyat sudah bersetuju untuk menyerahkan tanah untuk membuat jalan, mereka sudah sanggup tebang

pokok kelapa, kira sudah serahkan, tandatangan semuanya, tuan punya tanah beri kepada pihak pejabat tanah tetapi malangnya pihak berkuasa masih lagi tidak berani untuk meluluskan projek-projek yang telahpun tanahnya disediakan oleh pihak rakyat.

Jadi, kalau perkara ini berlarutan, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang rakyat akan berasa dukacita, bukannya mereka hendak minta ganti rugi, bukannya hendak suruh kerajaan bayar pampasan, mereka serah dengan sukarela tetapi apabila kita berbincang dengan pihak-pihak berkuasa, mengapakah projek-projek jalan ini tidak boleh dibuat keatas tanah-tanah yang telahpun diserahkan oleh rakyat dengan cara sukarela, pihak berkuasa mengatakan mesti mengisi Borang 12(A).

Saya berfikir kalau hendak mengisi Borang 12(A), sudah tentu agak sukar kerana tanah yang diserahkan untuk buat jalan itu tidak luas. Satu-satu tuan punya tanah hanya menyerahkan lebih kurang 10 kaki ataupun 12 kaki sahaja. Jadi kalau setiap orang, lebih kurang 40 orang tuan punya tanah hendak tandatangan borang 12(A) sudah tentu mengambil masa. Jadi, proses-proses seperti ini juga saya harap pihak kementerian dapat mengkaji semula undang-undang dalam Kanun Tanah Negara supaya mana-mana tanah yang ingin diserahkan oleh rakyat secara sukarela untuk membangunkan kawasan mereka, harus tidak perlu mengikut prosedur-prosedur yang ada di dalam Kanun Tanah Negara. Begitu juga kalau kita lihat pada hari ini banyak tanah terbiar dan tidak ada orang yang mengusahakannya.

Kalau kita kaji dengan cara mendalam mengapakah tanah ini boleh jadi tanah terbiar, rata-rata tanah terbiar ini saya berani menyatakan adalah tanah pusaka. Tanah pusaka yang telahpun turun-temurun, kita sampai hari ini tidak tahu siapa tuan punya tanah itu kerana tuan punya tanah ini boleh jadi sudah meninggal, tinggal cucu, tinggal cicit dia.

Tetapi oleh kerana tanah ini tanah pusaka tidak ada sesiapa pun berani untuk membangunkan tanah ini, maka akan merugikan kerajaan negeri, kerana tanah yang terbiar ini kerajaan negeri tidak akan dapat hasilnya, kerana mereka tidak membayar cukai, dan juga kita dapati tanah yang terbiar ini tidak ada siapa berani ingin memaju dan ingin membelinya. Jadi saya ingin mencadangkan supaya kerajaan kena bersikap tegas kepada tanah-tanah yang terbiar ini, sekurang-kurangnya mengeluarkan notis kepada pewaris-pewaris tanah-tanah terbiar ini supaya mereka tahu, ada kadang-kadang kita dapati pewaris pun tak tahu itu tanah pusaka mereka, kerana kebanyakan mereka kadang-kadang dulu daripada kampung telah pun berpindah bekerja di bandar dan tinggalkan tanah ini secara terbiar.

Jadi sekurang-kurangnya kalau Pejabat Tanah mengeluarkan notis kepada waris-waris yang berkaitan setidak-tidaknya mereka tahu tanah mereka ini masih wujud. Dan saya juga ingin mencadangkan bahawa supaya takrif tanah perumahan yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara ini harus dikaji semula kerana hari ini kalau sebut housing land atau tanah perumahan di dalam Kanun Tanah Negara kita selalu berfikir bahawa ini tanah perumahan untuk komersial. Bila tanah untuk komersial sudah tentu kalau daripada tanah pertanian kita hendak ubah syarat untuk jadi tanah perumahan premiumnya tinggi, dan apabila kita tukar syarat kepada perumahan, maka kita tahu bahawa syarikat-syarikat pemaju ini akan membangunkan tanah ini untuk projek-projek komersial. Saya ingin mencadangkan di sini di samping tanah perumahan untuk komersial ini, Kanun Tanah Negara juga harus memberikan takrif kepada definisi tanah perumahan individu.

Saya menyatakan demikian, kerana kita dapati hari ini tanah-tanah pusaka, kalau kita lihat begitu banyak di luar-luar bandar, kalau di dalam kawasan majlis daerah mungkin tanah-tanah pusaka ini kalau hendak dibangunkan terpaksa

mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa kerajaan tempatan, tetapi tanah pusaka yang di luar kawasan-kawasan majlis daerah ini kita dapati terbiar dan mereka ini sesungguhnya hendak membangunkan tanah-tanah pusaka ini, tetapi oleh kerana mereka tidak boleh memecahkan tanah-tanah lot ini kerana kebanyakan tanah pusaka ini bertaraf tanah pertanian.

Jadi kalau kata seorang pewaris ingin memajukan tanahnya, katalah hendak meminjam duit daripada EPF ataupun hendak mencagarkan tanah kepada bank untuk membangunkan rumah mereka sendiri, sudah tentu mereka terpaksa menggadai keseluruhan tanah. Jadi di dalam satu keluarga ini kadang-kadang ramai, ada tujuh, lapan orang dan kadang-kadang dalam keluarga ini ada yang berpelajaran tinggi, ada yang kurang mendapat pelajaran, ada yang kurang mendapat pendidikan. Jadi mereka ini kebanyakan bersetuju, berpakat adik beradik serah pada satu orang, misal kata abangnya hendak buat pinjaman perumahan kepada pihak kerajaan, maka ia terpaksa tukar nama kepada abangnya. Dan kita dapati kadang-kadang menimbulkan masalah di dalam keluarga tersebut. Bila nama ini telah dipindahkan kepada seseorang ahli keluarganya maka tanah ini tidak pula diserahkan kembali kepada adik beradik yang lain. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya tanah-tanah pertanian ini yang berbentuk tanah pusaka, kalau ingin diubah kepada tanah individu, hanya tanah perumahan untuk kediaman mereka sendiri. Maka harus diberikan peluang kepada mereka dengan syarat-syarat yang longgar, jangan mengikuti syarat-syarat conversion atau syarat-syarat tukar hak milik, syarat-syarat seperti yang dikenakan kepada tanah perumahan komersial.

Maka kalau di dalam Kanun Tanah Negara ini mempunyai takrif tanah perumahan individu ini, saya percaya banyak tanah di luar bandar ini boleh dibangunkan dengan cara lebih teratur lagi, kerana mereka ini boleh memecah-mecahkan lot seperti yang dikehendaki dalam Kanun Tanah dan masing-masing

telah mempunyai lot ini mempunyai hak mereka masing-masing untuk membangunkan tanah tersebut, mereka boleh membuat pinjaman daripada pihak kerajaan ataupun mana-mana institusi kewangan, kerana mereka telah mempunyai tittle masing-masing.

Jadi kita percaya, kalau ini dapat dilaksanakan maka mereka yang pada hari ini boleh jadi bekerja di bandar apabila mereka ini bersara ataupun telah berpencen nanti mereka ada tempat untuk mereka balik ke kampung, mereka boleh membuat rumah mereka sendiri di tanah-tanah pusaka dan akan mengikatkan lagi tali silaturahim di antara keluarga mereka masing-masing. Maka kita akan lihat, kalau ini dapat dilaksanakan maka masalah yang dihadapi oleh rakyat untuk mendapatkan perumahan mungkin dapat kita atasi. Kerana mereka akan berfikir lebih mudah, dan lebih ekonomi kalau mereka dapat mendirikan rumah mereka di tanah mereka sendiri daripada mereka membeli rumah-rumah yang didirikan oleh pemaju-pemaju .

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai konsep ini yang juga tertakluk di dalam pindaan ini, saya percaya mana-mana tanah, mana-mana hak milik yang ada sekatan, yang mana satu-satu tanah ini sebelum dipindahmilikkan mesti mendapat persetujuan daripada pihak berkuasa negeri. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah consent ini juga akan automatik diberi ataupun consent ini kena memohon secara berasingan sepertimana mereka ingin menggadai daripada awalnya. Kerana di dalam satu-satu tittle kalau ada consent permohonan ini mestilah dimajukan kepada pihak-pihak berkuasa negeri sebelum tanah ini dapat digadaikan.

Isu yang ingin saya timbulkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan tempoh, untuk mendapatkan consent ini amat menyedihkan, kadang-kadang kita tunggu hingga 6 bulan, 7 bulan consent ini masih belum dapat.

Daripada pengalaman saya menjalankan kerja-kerja guaman inilah masalah yang kami selalu hadapi, kadang-kadang kita rasa kesian, ada satu kes bank telah luluskan pinjaman, tetapi oleh kerana consent daripada pihak berkuasa negeri begitu lambat sehingga terpaksa bank membatalkan pinjaman yang telah diluluskan.

Oleh itu saya ingin mencadangkan juga kepada pihak kementerian kalau boleh kita kemukakan satu cadangan sebagaimana cadangan yang telah dinyatakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai Sijil Kelayakan. Saya ingin menyokong penuh cadangan yang telah diberikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa Sijil Kelayakan dalam tempoh dua minggu kalau tidak ada apa-apa jawapan daripada pihak berkuasa tempatan maka dianggap permohonan ini lulus. Kalau kita tidak mengenakan syarat-syarat seperti ini maka kita dapati bahawa proses permohonan amat lambat kita dapat jawapannya, seperti mana kita memohon consent ini, walaupun undang-undang menyatakan 3 bulan tetapi kadang-kadang sampai 7 bulan pun belum dapat jawapan. Jadi kalau boleh saya ingin mencadangkan setiap permohonan untuk mendapat consent atau persetujuan daripada pihak berkuasa negeri ini hendaklah diberi dalam tempoh 3 bulan sahaja, kalau dalam tempoh 3 bulan tidak ada apa-apa jawapan maka dianggap permohonan kelulusan ini telah pun diluluskan. Saya percaya kalau proses-proses ini, peraturan-peraturan ini dapat diubahsuaikan dengan kehendak-kehendak kerajaan yang mana kita ingin melihat semua proses untuk membuat sesuatu pembangunan ini dapat disegerakan maka saya percaya masalah red tape ini akan dapat kita kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya juga ingin menyentuh Kanun Tanah Negara yang ada pada hari ini mengenai permohonan tanah. Memang benar, permohonan tanah kalau kita hendak pohon Kanun Tanah Negara ini mesti melalui peraturan-peraturan tertentu, mengisi borang, masuk ke Pejabat Tanah,

ke PTG dan akhirnya ke Exco. Tetapi hari ini terdapat tanah-tanah yang telah pun 40 tahun dibuka, 40 tahun tanah ini tidak mempunyai tittle lagi, tidak diberi hak milik sedangkan tanah ini telah pun menjadi tanah pusaka, warisannya telah pun turun temurun dan ada kadang-kadang berlaku sudah banyak kali menjadi jual beli di kalangan tuan punya tanah dan juga pihak yang lain. Tetapi sehingga 40 tahun tanah ini telah pun dimajukan telah menjadi tempat tinggal mereka sehingga hari ini masih belum lagi dikeluarkan geran ataupun hak milik.

Yang saya ingin bangkitkan di sini ialah kalau tanah seperti ini sepatutnya proses pemberian hak milik ini harus diberikan keistimewaan, tidak seharusnya proses untuk diberikan hak milik kepada tanah-tanah yang telah pun diduduk sekian lama ini sama seperti proses-proses ataupun prosedur-prosedur yang ditetapkan kepada permohonan-permohonan tanah yang baru.

Saya bangkitkan ini kerana banyak berlaku. Apabila permohonan ini dibuat secara baru, maka tuannya tanah yang duduk di situ hampir 40 tahun, apabila title keluar, title keluar atas nama orang lain. Ini amat menyedihkan. Banyak kes yang saya hadapi. Sudah duduk 40 tahun, 50 tahun di tanah itu, oleh kerana prosesnya begitu lama, tuan punya tanah yang duduk di situ pun memohon, menunggu sampai dua tiga tahun baru title keluar. Alangkah malangnya, apabila title itu keluar bukan atas nama mereka, tetapi atas nama orang lain. Begitu juga kadang-kadang kita dapati tanah ini ditukar milik, dibuat perjanjian jual beli secara orang kampung yang telah pun diserahkan kepada orang lain. Tetapi apabila title ini keluar, dia keluar atas nama orang lain.

Jadi Tuan Yang di Pertua, saya harap pihak kementerian melalui Majlis Tanah Negara harus mengkaji masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat ini dan saya percaya kalau masalah-masalah ini dapat dikaji dan dapat diringkaskan, proses-proses seperti yang saya nyatakan tadi mengenai tanah rizab Melayu untuk wakaf, begitu juga dengan tanah-tanah yang lama dikeluarkan ini maka saya percaya bahawa usaha kerajaan untuk melihat setiap proses permohonan ini dapat disegerakan akan dapat kita laksanakan dengan baik.

Sekian. Saya menyokong.

**Tuan Yang di Pertua** : Teluk Intan

**5.54 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Yang di Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-Undang Akta Kanun Tanah Negara. Walaupun Rang Undang-Undang ini adalah beberapa keping sahaja di depan kita untuk dibahaskan. Walaupun nampaknya tidak banyak mustahak, akan tetapi rang undang-undang ini membawa satu perubahan yang luar biasa di negara ini mengikut sistem yang sedia ada. Sistem yang sedia adalah seperti Tuan Yang di Pertua sendiri tahu adalah Torrens System, di mana satu sistem tanah yang kami di Malaysia telah ubahsuai dari Australia.

Tuan Yang di Pertua, kalau kita baca dengan teliti beberapa rang undang-undang di sini kita akan tahu bahawa rang undang-undang seperti di Schedule 15 di antaranya adalah yang mengatakan bila harta telah ditukar milik atau dipindah melalui Vesting Order ke Danaharta, harta itu boleh dijual dengan private treaty. Saya ingin menyentuh beberapa hal mengenai private treaty.

Tuan Yang di Pertua, mengikut undang-undang yang sedia ada jikalau sesuatu tanah, dengan izin, falls for closure proceedings dimulakan, dan tanah itu dijual, pihak yang ingin yang menjual, atau ada pihak yang membeli di mana private treaty yang dimaksudkan di sini ingin dijalankan di sana, mereka diperlukan merujuk perkara itu kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapat kelulusan consent order. Di beberapa keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi kebelakangan ini, private treaty seberapa yang boleh tidak digalakkan, atau jika ada sebab-sebab yang tertentu di bawa ke Mahkamah Tinggi, mahkamah telah memberitahu bahawa dengan serius perlu diteliti apakah sebab harta itu perlu dijual melalui private treaty.

Tuan Yang di Pertua, di Schedule 15 di sini, saya ragu bahawa tidak ada inbuilt check and balance di section, subsection 5 Schedule 15. Kalau kita baca dengan teliti, Tuan Yang di Pertua kita akan tahu bahawa yang perlu adalah satu notis perlu diberi kepada peminjam dan jika ada apa-apa bantahan dari sana atau perlu membayar wang kepada Danaharta dan perkara ini akan habis, akan tetapi tidak ada apa-apa di sana yang menunjuk bahawa perkara ini perlu dirujuk kepada mahkamah. Ini adalah satu perkara

yang saya percaya dengan izin, it's into the very fabric of land registration system in this country. Ini adalah kerana private treaty memberi banyak kuasa kepada Danaharta untuk menjual harta dengan sesuka pihak-pihak yang ada kuasa sewenang-wenangnya. Tetapi tidak ada apa-apa sistem di mana selain dari yang dikatakan harga yang akan ditetapkan atau harga adalah market value of the land. Kalau dijual akan dijual di market value. Tetapi yang lebih mustahak, adalah apakah sebab Torrens System yang sedia ada di negara ini apakah ia tidak patut diikuti di mana lebih baik kalau ada harta-harta yang perlu dijual melalui private treaty bukannya lebih baik, lebih transparent, lebih accountable, kalau perkara itu dirujuk kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapat kebenaran. Apakah sebab kerajaan berpendapat bahawa sistem yang sedia ada perlu diubah. Apakah sebabnya?

Adakah ini untuk memberi kepada satu sistem di mana jikalau tanah ingin dijual oleh Danaharta, harta itu dapat dijual dengan seberapa segera atau sewenang-wenang oleh pegawai-pegawai yang akan mengendalikan perkara ini atau Penggubal Undang-undang tidak fikir bahawa Mahkamah Tinggi Malaya perlu diberi kuasa untuk meneliti perkara ini.

Kita perlu tahu, Torrens System yang telah mula dari Australia dan telah ada beberapa tahun di negara ini telah diuji, telah di'tested', dengan izin, oleh mahkamah dan kita ada satu sistem yang baik dan saya percaya mungkin kalau rang undang-undang ini diluluskan, ia akan memberi kuasa yang terlampau kepada pihak Danaharta untuk menjual harta dengan tidak mengambilkira, dengan izin, protect the interest of the registered owner of the land.

Jadi, ini perlu difikir balik dan perlu diambil tindakan supaya pemilik tanah yang tidak dapat membyar kepada bank-bank dapat satu sistem di mana tidak dapat hak-hak mereka dalam tanah itu tidak diexposed, dengan izin, kepada sistem yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, private treaty adalah satu perkara di mana penjualan harta dapat dibuat tanpa open market system, dan ini meragukan ramai orang di

mana kalau kita memberi kuasa macam ini kepada Danaharta, ia tidak membawa satu perkara yang baik. Danaharta adalah satu badan yang baru, yang tidak ada experience untuk mengendalikan perkara-perkara yang sangat rumit dan lebih rumit kalau perkara yang sedia ada, Torrens System yang sedia ada supaya perkara seperti ini dirujuk kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapat kebenaran untuk menjual harta.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga ingin menyentuh Schedule 15(8). Saya rasa, dengan izin, saya baca:

8. *"Any caveat or prohibitory order which was registered, endorsed or entered prior to a vesting shall not prevent a transfer of any registered interest or the registrable interest or other right or entitlement whatsoever stipulated in the vesting certificate or transfer certificate, as the case may be."*

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ini juga menunjukkan bahawa sistem yang kita ada ini tidak mustahak, Torrens System, Akta Kanun Tanah Negara yang telah wujud sejak lama membawa satu earthquake yang baru dengan peruntukan ini. Ini adalah kerana jika seorang membeli atau menjual tanah yang beliau perlu membuat akan pergi ke pejabat tanah dan menyiasat Buku Pendaftaran.

Selain dari itu, beliau perlu menyiasat buku prohibitory order, buku caveat dan sebagainya. Jikalau perkara itu telah dibuat, selepas itu tukar milik, boleh jadi atau pinjaman atau lain-lain, dengan izin, interest, boleh diregisterkan. Akan tetapi, nampaknya walaupun seseorang itu telah membuat seberapa prihatin yang perlu dari segi undang-undang, akan tetapi Seksyen 8 ini akan mengatasi, akan membuat satu in road dalam Torrens System dan saya kluatir kalau kuasa ini diberi kepada Danaharta, ini akan menjejaskan Sistem Torrens yang telah ada di negara ini sejak beberapa lama dahulu. Sistem Torrens yang ada dalam Akta Kanun Tanah Negara yang kita ikuti perlu difikir bahawa bila seseorang dari luar

negeri ingin membeli tanah, ia terus pergi ke pejabat tanah atau kepada peguam dan dia akan menyiasat dan peguam akan memberitahu adakah tanah itu boleh dibeli atau dijual, atau di'second' charge dan dicagar balik atau land holders caveat atau perkara-perkara lain.

Tetapi kalau kita melihat dengan teliti, ini memberi kuasa kepada Danaharta yang terlampau kerana dengan izin, it overtakes the existing rights an obligations in the register document of title, in the issue document of title. Kita perlu fikir bahawa kalau kita memberi sesuatu kuasa seperti ini walaupun, on one look, dengan izin, Akta ini tidak ada banyak perkara, tetapi membawa satu perubahan yang sangat luar biasa.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan. Balik kepada private treaty tadi yang dicadangkan supaya dirujuk kepada mahkamah dan seolah-olah akta ini memberi kuasa yang penuh kepada Danaharta.

Saya hendak bertanya pendapat Ahli Yang Berhormat mengenai Seksyen 5(4). Seksyen 5(4) jelas menyatakan bahawa sesiapa yang breach dalam perjanjian ini akan dimaklumkan, diberi notis dan diberitahu berapa jumlahnya dan perbincangan boleh dibuat di antara Danaharta dengan pihak yang berkenaan.

Di sini sudah tentu jumlah harga yang ditetapkan tentulah mengikut jumlah baki dari bayaran. Jadi, mengapa perlu kita rujuk kepada pihak Mahkamah Tinggi?

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Yang saya kata adalah sistem yang sedia ada. Apakah perlu kita satu perubahan, Torrens System yang sedia ada, check and balance yang telah ditested, dengan izin, di Australia, New Zealand dan di

Malaysia. Apakah kita perlu ubah dari sistem itu, oleh kerana Danaharta, nombor satu.

Yang kedua, kalau kita tahu bila seseorang itu tidak membayar ansuran, ramai di antaranya yang akan hilang sahaja. Jadi, dalam perkara seperti ini bila kita memberi kuasa yang terlampau kepada Danaharta, kemungkinan akan disalahgunakan.

Jadi, .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Biar saya habiskan. Jadi, dalam hal ini sistem yang sedia ada, Torrens System dari Australia yang sedia ada di Malaysia yang terpakai beberapa tahun, yang telah dipakai lebih dari 40 tahun, jadi, bukankah lebih baik kalau perkara ini dirujuk kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapat kebenaran mahkamah, nombor satu.

Yang kedua, satu kebenaran yang bebas, untuk orang ramai dan di seluruh dunia akan terima dan fikir bahawa ini adalah satu independent decision, dengan izin.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih belum jelas dari Ahli Yang Berhormat, kalau satu-satu kes kita hendak refer kepada Mahkamah Tinggi ini, boleh jadi untuk menentukan market value, mungkin kita perlu refer kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapat keputusan yang bebas, tetapi ini macam orang kata, willing buy willing selling, harga itu telah ditetapkan dan saya rasa daripada dalam akta ini bukan harga yang Danaharta hendak beli ini bukan mengikut market value, ia hanya menyambung sahaja berapa jumlah yang belum dibayar kepada pihak bank.

Jadi, saya rasa tidak timbul untuk kita rujuk kepada pihak yang ketiga. Jadi, Ahli Yang Berhormat salah faham tentang akta ini atau tidak?

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Itu pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Tetapi sebagai seorang peguam semestinya Tanjong Karang telah menerima banyak aduan di mana sistem yang sedia ada pun, kita ada banyak aduan di mana mengatakan valuer, dengan izin, telah menetapkan satu harga yang tidak berpatutan di mana lepas itu harta itu dijual dan didapati bahawa pemilik harta itu telah tertipu.

Jadi, yang saya khuatir adalah di mana satu sistem yang telah diterima pakai di negara ini sejak 40 tahun ini kenapa kita perlu ubah, kenapa kita mahu satu perubahan yang terlampau?

Pada pandangan saya kalau sistem yang sedia ada, yang telah diterima pakai, di mana ia membawa inbulk protection, dengan izin, kepada pemilik harta, apakah ia perlu tidak diberi iktiraf oleh akta ini, tetapi dengan perubahan yang sedia ada menunjukkan bahawa, nombor satu yang dipentingkan adalah Danaharta, kepentingan pemilik harta tidak dimustahakkan.

Jadi, saya khuatir kalau kita memberi terlampau banyak kuasa seperti ini, ia akan membawa satu sistem di mana Torrens System yang sedia ada ini telah membawa satu perubahan yang luar biasa dan ini bukan sahaja akan menakutkan pihak-pihak di Malaysia tetapi kepada investor, dengan izin, dari luar negeri. Ini adalah pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan sebelum ini, di Seksyen 8, Schedule 15, ini juga menunjukkan satu sistem yang baru, yang sangat luar biasa, tetapi Akta Kanun Tanah Negara (National Land Code Act), dengan izin, telah wujud sejak tahun 1965 hingga hari ini satu perubahan yang baik untuk negara, untuk tanah tidak dibawa, yang saya ingin katakan adalah satu sistem computerisation, di mana penjual dan pembeli dapat menyiasat adakah satu situasi yang semua clear untuk membeli harta.

Kalau kita pergi ke Torrens System yang sesama di Australia, kalau kita hendak membuat pencarian tanah di Australia, kita hanya perlu bayar A\$1 dan kita akan dapat serta merta satu naskhah copy geran, satu pengesahan, adakah prohibitory order, adakah caveat, adakah apa-apa perintah dari mahkamah yang sedia ada dalam harta tersebut.

Tetapi di negara ini, walaupun kita telah ada Akta Kanun Tanah Negara sejak 1965, ini tidak dimestikan, kita tidak ada satu sistem computerisation di mana kita dapat memastikan supaya tanah yang kita ingin beli, pihak yang ingin menjual itu bukan seorang yang bankrap dan sebagainya, tidak ada satu sistem yang canggih. Apakah sebab ini berlaku, walaupun kita telah diberitahu oleh kerajaan .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya! Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan M. Kulasegaran:** Boleh, boleh!

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan mengenai search atau carian. Yang Berhormat mengatakan di negara kita sistem ini yang tidak canggih ataupun sistem ini tidak wujud? Saya hendak tanya Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata kalau hendak buat pencarian memanglah di Australia gunakan komputer tetapi saya hendak mengatakan juga bahawa di negara kita kalau kita pergi ke pejabat tanah dan bayar RM30.00 untuk membuat carian - kita boleh tahu sama ada tanah itu telah di'caveat', digadai dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat kata di negara kita tidak canggih atau tidak wujud sistem ini? Jadi ini adalah dua perkara yang berbeza Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong Karang mesti lebih arif mengenai Kanun Tanah Negara kerana di mana-mana pejabat tanah semestinya dari segi undang-undang ada buku prohibitory order dan buku caveat dan sebagainya. Perkara yang saya katakan adalah sistem

canggih seperti sistem komputer yang perlu lebih-lebih lagi pada masa sekarang dengan Danaharta dan sebagainya. Mengapakah ia tidak diberi keutamaan? Kalau kita pergi ke Pejabat Tanah kerana saya sendiri telah menerima beberapa aduan apabila hendak membuat penyiasatan adakah 'prohibitory order' atau adakah 'caveat' wujud? Kalau seseorang hendak pergi ke Pejabat Tanah pada suatu masa dan geran tidak ada di sana. Berlaku juga buku 'prohibitory order' dan buku 'lienholder's caveat' tidak ada di sana. Jadi ini akan memakan masa dan bukan satu sistem yang boleh diterimapakai.

Di negara Australia dan New Zealand sistem ini telah dimajukan. Apakah sebab ianya tidak diwujudkan di negara ini walaupun sistem Kanun Tanah (Torrens) pada pandangan saya lebih baik dari negara India dan United Kingdom di mana Dike System yang mereka ikuti tidak memberi satu protection, dengan izin kepada pembeli-pembeli. Kita ada sistem yang baik tetapi sistem ini boleh diperbaiki. Kenapa ia tidak dibuat sedemikian. Saya tahu di negeri Perak lebih kurang satu tahun yang lalu sekumpulan delegasi telah pergi ke Australia di antaranya adalah para pegawai undang-undang - telah pergi melawat dan apabila saya menyoal mereka. Mereka berkata sistem itu patut telah diadakan di negara ini beberapa tahun dahulu tetapi tidak diberi kepentingan walaupun di negeri Perak.

Baru-baru ini sejak 1 Januari 1997 di negeri Pahang apabila meminta tanah pembeli perlu membayar satu 'tax' kepada negeri Perak. Ini telah wujud di negeri Pahang dan sekarang saya difahamkan berada di beberapa buah negeri. Bila mereka memperolehi pendapatan seperti ini kenapa ia tidak digunakan untuk meningkatkan sistem komputer di Pejabat Tanah. Yang Berhormat dari Tanjong Karang sudah pergi ke beberapa Pejabat Tanah dan kita perlu pertolongan yang unik daripada orang-orang tertentu untuk mendapatkan sesuatu di sana walaupun kita wakil rakyat. Kita sendiri menghadapi perkara seperti ini tetapi jika kita ada satu sistem komputer seperti di Australia dan New Zealand perkara seperti ini

tidak perlu terjadi. Di Internet kita boleh dapat semuanya clear asalkan kita membuat bayaran. Apakah kita takut menghadapi masalah ini. Adakah jika kita mengimplimentasikan perkara ini akan membawa masalah iaitu pekerja-pekerja akan dibuang kerja atau pihak yang mempunyai kuasa di negeri-negeri.

Begitu juga pihak yang ada ketua jabatan tidak ingin membawa perubahan. Macam mana kita dapat memberi prestasi yang baik dan jaminan kepada pelabur luar negeri bahawa kita mempunyai satu sistem yang boleh diterimapakai dan boleh dipercayai. Kita tidak perlu pergi ke pejabat tanah cari satu buku yang dikatakan 'prohibitory order'. Perkara ini bukan senang, ia disimpan di lock-up dan apabila hendak mencarinya bukanlah senang. Yang kedua, caveat book yang selalu perlu di 'up-date', dengan izin setiap masa dan setiap hari. Kalau kita pergi ke Ipoh buku caveat yang up-dated adalah 10 hari dahulu tidak di 'up-date' setakat hari itu kerana terlampau banyak transaksi, tidak ada cukup pegawai dan atas sebab-sebab yang tertentu. Jadi bagaimana kita hendak memberi satu jaminan kepada orang dari luar negeri dan kepada peguam-peguam yang mengendalikan perkara seperti ini? Mengapa kita tidak ada satu sistem komputer yang terikat kepada semua negeri di negara ini. Bukankan kita boleh berbuat sedemikian....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta berucap atas bill hari ini ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ada kena mengena, selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu 'vesting order'. Bilakah 'vesting order' dibuat dan adakah cukai tanah perlu dibayar? Adakah cukai keuntungan perlu dibayar, kalau tidak perlu dibayar kenapa Danaharta dikecualikan? Selain daripada itu saya juga ingin tahu bila harta ditukarmilik kepada Danaharta dan dijual melalui private treaty atau kepada pihak-pihak yang ingin membeli, siapa yang akan membayar cukai-cukai tersebut? Adakah Danaharta apabila mengambilalih harta itu dan adakah mereka terikat dengan izin, Real Property Gains Tax 1976. Adakah mereka terikat dengan perkara itu atau mereka dikecualikan. Daripada apa yang saya tahu perkara itu tidak dinyatakan di dalam Akta ini. Ini adalah mustahak dari

segi memberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan. Selain daripada itu juga power attorney, adakah perlu ia didaftarkan dan jika didaftarkan adakah ia akan diberi satu sistem yang sama seperti biasa atau undang-undang atau rules, dengan izin yang baru akan diperuntukkan. Saya juga ingin tahu mengenai statutory vesting ini. Adakah statutory vesting, dengan izin perlukan kebenaran Mahkamah Tinggi. Nampaknya daripada apa yang saya baca dan faham, vesting ini akan memberi kuasa kepada Danaharta. Ini juga tidak ada apa-apa safe guard kepada pemilik harta yang sedia ada. Saya juga ingin tahu bagaimana Danaharta dari segi Kanun Tanah Negara akan menunjukkan satu transparency di mana harta-harta yang telah diambil olehnya. Adakah semua harta-harta yang ditukar milik kepada Danaharta akan dikendalikan 'transfer certificate', secara 'statutory vesting' atau 'vesting certificate' dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin satu penjelasan yang mustahak bahawa pada pandangan saya semua cadangan yang dibuat ini adalah bertentangan dengan sistem yang sedia ada, iaitu Torres System. Saya harap satu pandangan yang serius akan diberi dan satu perkara yang akan diteliti dengan serius sebelum satu jawapan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Klang.

**6.21 ptg.**

**Dr. Tan Yee Kew [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Pindaan sedia ada yang memperuntukkan perubahan kepada Kanun Tanah agar dapat memudahkan pelaksanaan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 adalah perlu dan wajar diluluskan tanpa lengah lagi, memandangkan betapa pentingnya akta baru ini dikuatkuasakan bagi membantu institusi-institusi kewangan kita mengatasi krisis yang ada sekarang. Walaupun dengan adanya pindaan kepada Kanun Tanah Negara sekarang, kita telah dapat menyelesaikan masalah kesahan dalam urusan tanah yang melibatkan akta baru, namun pada masa yang sama kita harus memastikan bahawa urusan tanah di bawah akta

baru ini dilaksanakan dengan cekat agar matlamat akhir akta ini dapat dicapai dan usaha kita tidak sia-sia.

Kanun Tanah Negara telah memperuntukkan sebuah rangka undang-undang yang baik untuk pendaftaran dan urusniaga tanah pada masa lampau. Saya rasa tidak ramai yang menentanginya. Tetapi aduan mengenai ketidakcekapan Pejabat Tanah dan jabatan-jabatan negeri yang terlibat sering kedengaran. Urusan tanah sama ada mengenai hakmilik, pembahagian lot ataupun pengubahan penggunaan tanah akan mengambil masa bertahun untuk diselesaikan. Masalah ini telah terlalu lama berterusan, dan masalah ini juga telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang dalam ucapannya. Tetapi sehingga kini saya masih belum dapat melihat usaha yang gigih dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

Kita telah pun menetapkan tahun 2020 sebagai tahun sasaran bagi kita menjadi sebuah negara hi-tech dan maju sepenuhnya, dan banyak undang-undang cyber (cyber law) telah diluluskan di Parlimen ini untuk memudahkan kita memasuki dunia hi-tech. Tetapi penggunaan komputer tidak didapati di Pejabat Tanah walaupun penggunaan komputer telah menjadi sebahagian kehidupan seharian kita, dan kita sekarang sedang menuju ke arah kerajaan yang tidak perlu menggunakan kertas (paperless government). Sedangkan di Pejabat Tanah kita segala urusniaga dan urusan dokumentasi masih dibuat secara manual, dan sejak tahun 1980an lagi banyak telah diperkatakan tentang Pejabat Tanah hendak menggunakan komputer bagi urusan-urusannya, tetapi hingga kini tiada berapa pun yang telah dilakukan. Saya rasa mungkin bahagian mengutip cukai tanah sahaja yang menggunakan komputer.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berkenaan komputer tidak ada dalam rang undang-undang ini.

**Dr. Tan Yee Kew:** Ya, tetapi saya rasa apa yang saya sentuh adalah hubung kait dengan Kanun Tanah Negara, sebab ini adalah berkenaan dengan pelaksanaannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi tidak ada sebut dalam rang undang-undang, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Yee Kew:** Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan berucap, tetapi perkara bersangkutan dengan bill sahaja.

**Dr. Tan Yee Kew:** Pendek sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rang undang-undang sahaja.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak menteri agar menganggap masalah ini sebagai sesuatu yang serius dan cuba mencari jalan agar ianya dapat diselesaikan. Janganlah memberitahu kami bahawa urusan tanah adalah urusan negeri dan Kerajaan Pusat tidak boleh campur tangan. Apabila semua negeri menghadapi masalah ini dan melibatkan kebaikan rakyat negara, maka sewajarnya Kerajaan Pusat mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah itu.

Tanah adalah faktor utama dalam pembangunan ekonomi. Pejabat Tanah semestinya dipertingkatkan dan diperuntukkan komputer dan dimodenkan agar ianya akan lebih efisien. Saya ingin merayu agar pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Korperasi menubuhkan sebuah pasukan teknikal bagi membentuk sebuah sistem komputer bagi urusan tanah di semua Pejabat Tanah di dalam negeri

dan menghubungkan sistem ini di Pejabat Tanah Daerah kepada jabatan-jabatan negeri yang relevan.

Saya benar-benar menggesa pihak kementerian mengambil langkah segera menangani masalah yang telah terbiar begitu lama ini. Dengan kata-kata ini, saya memohon menyokong.

**6.27 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara yang dibentangkan sekarang merupakan dimensi kedua laluan bagi meluluskan Rang Undang-undang Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 setelah Dewan ini berjaya meluluskan rang undang-undang tersebut pada minggu lalu.

Saya mendapati rang undang-undang untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara kali ini secara khusus menyediakan peruntukan bahagian baru iaitu Bahagian Satu B untuk memasukkan peruntukan bagi syarikat Pengurusan Danaharta Nasional bagi memudahkannya melaksanakan pengurusan Akta Pengurusan Danaharta Nasional 1898 pembiayaan dan pelupusan aset tanpa menjejaskan kepentingan mana-mana pihak. Dengan kata lain, Danaharta Nasional merupakan agensi penyelamat ataupun agensi pengutip hutang. Ini bererti mana-mana pinjaman yang melibatkan gadaian tidak akan terkecuali dengan tindakan ini. Soalannya, apakah harga jualan NPL mana-mana bank yang mempunyai gadaian

tidak akan menjejaskan kedudukan para peminjam apabila pinjaman tersebut telah dibeli oleh syarikat Danaharta Nasional.

Sungguhpun langkah ini boleh mengelakkan para peminjam menghadapi tindakan lelongan aset tanah mereka oleh pihak bank apabila gagal membayar balik pinjaman, tetapi tidakkah langkah ini akan menyebabkan para peminjam dibebani dengan penambahan kos faedah dan pengurusan yang dilakukan oleh syarikat Pengurusan Danaharta Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta sambung esok ya.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Ya, terima kasih.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**6.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

**Pendemokrasian Pengurusan Jemaah Haji dan  
Pewujudan Sistem Keselamatan di Mekah dan Madinah**

**6.31 ptg.**

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, pendemokrasian pengurusan jemaah haji dan mendesak kewujudan sistem keselamatan di Mekah dan Madinah.

Tuan Yang di-Pertua, ibadat haji tidak sah tanpa ditambah satu lagi rukun iaitu berangkat melalui Tabung Haji malahan tanpa melalui Tabung Haji kerakyatan seseorang warganegara mungkin lucut. Demikian kesan monopoli dan dasar penswastan yang unik dan tidak berlaku di dunia lain. Masanya sudah tiba monopoli yang ditertawakan orang kampung kerana bertentangan dengan syariat dan juga tanpa menghormati hak kebebasan rakyat sedemikian perlulah dihentikan. Tabung Haji pula sudah tiba masanya dibersihkan daripada pengaruh politik dan pelbagai unsur tidak sihat. Fungsi dan matlamat Tabung Haji tidak seharusnya dilihat dari sudut ekonomi atau keuntungan semata-mata tetapi perlu mendokong tujuan yang lebih jauh dan unggul untuk turut menenangkan Islam ke atas segala keyakinan yang palsu. Di samping kebajikan umat khususnya penyimpanan atau pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji juga perlu terlibat dalam menentukan sistem keselamatan di Mekah dan Madinah.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, panggil kuorum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, minta bilang ya.

*[Setiausaha Dewan membilang ahli kuorum]*

**Tuan Yang di-Pertua:** 10, tidak cukup kuorum, minta bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta bilang semula.

*Ahli kuorum dibilang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** 11, tidak cukup kuorum. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak cukup kuorum Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.***



